



# HUKUM MENYAMBUT PERAYAAN BUKAN ISLAM



Edaran | **BUKU INI MENGANDUNGI AYAT SUCI AL-QURAN**  
**PERCUMA** | Peliharalah Kesuciannya



# HUKUM MENYAMBUT PERAYAAN BUKAN ISLAM

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG  
2020

Cetakan Pertama 2020

©Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

## **HUKUM MENYAMBUT PERAYAAN BUKAN ISLAM**

### **Semakan & Terbitan**

#### **Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang**

Tingkat 48, KOMTAR,

10000 Georgetown,

Pulau Pinang.

Tel: 04-263 2975 Fax: 04-263 2985

<http://mufti.penang.gov.my>

emel:mufti@penang.gov.my

### **Konsep, Reka bentuk dan Cetakan**

#### **Three Communication & Designs Sdn. Bhd,**

No.38, 2nd Floor,

Hutton Lane,

10050 Georgetown,

Pulau Pinang.

## KANDUNGAN

Kata Alu-aluan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang	04
Fatwa Negeri Pulau Pinang: Hukum Orang Islam Turut Merayakan Perayaan Orang Bukan Islam	06
Pendahuluan	11
BAB 1: Latar Belakang Perayaan-perayaan Bukan Islam	13
BAB 2: Perbahasan Hukum	33
Biografi Penulis	72
Glosari Istilah	75
Rujukan	76

## KATA ALU-ALUAN

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah ﷻ atas segala nikmat dan kurniaan yang tidak terhitung bilangannya. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad ﷺ, keluarganya, para sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda ﷺ hingga ke hari akhirat.

Sekali lagi saya zahirkan kesyukuran kepada Allah ﷻ kerana atas perkenan-Nya buku **Hukum Menyambut Perayaan Bukan Islam** dapat diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP). Buku ini merupakan hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh sekumpulan penyelidikan dari Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama JMNPP.

Islam amat menekankan perhubungan antara sesama manusia agar saling hormat menghormati tanpa mengira warna kulit, kedudukan dan agama. Umum mengetahui setiap kaum mempunyai adat dan perayaan masing-masing. Ajaran Islam tidak menghalang umatnya untuk berkongsi kegembiraan kepelbagaian perayaan ini. Namun begitu, dalam meraikan bersama perayaan agama masyarakat bukan Islam, terdapat perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh umat Islam. Ada di antara perayaan ini bersifat kebudayaan dan ada juga yang melibatkan aqidah.

Sehubungan dengan itu, buku ini memberikan sedikit panduan hukum bagaimana keterlibatan umat Islam untuk meraikan perayaan bukan Islam. Melalui buku ini juga dihuraikan beberapa jenis perayaan

masyarakat bukan Islam yang diraikan di Malaysia untuk pengetahuan kita bersama.

Semoga dengan adanya buku ini, ia dapat menambahkan lagi pemahaman kita terhadap adat kebudayaan masyarakat bukan Islam. Sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada barisan penyelidik dari USM dan semua pihak atas usaha penghasilan buku ini. Pihak kami juga mengalu-alukan sebarang teguran dan nasihat bagi penambahbaikan penerbitan kami.

Sekian.

**DATO' SERI DR WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR**  
**Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang**



# HUKUM ORANG ISLAM TURUT MERAYAKAN PERAYAAN ORANG BUKAN ISLAM FATWA NEGERI PULAU PINANG



**M**esyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2019 yang bersidang pada 21 dan 22 Ogos 2019 telah membuat keputusan berdasarkan pembentangan hasil kajian yang dijalankan dan memutuskan seperti berikut:

1. Hukum **memberi ucapan kepada sambutan perayaan orang bukan Islam**, adalah **harus**. Hukum ini dilihat lebih sesuai dengan konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum khususnya di Pulau Pinang. Dalam hal ini, umat Islam dituntut agar menampilkan agama Islam yang mesra kepada semua orang dengan tujuan untuk menarik hati orang bukan Islam kepada Islam. Namun begitu keharusan ini adalah **tertakluk** kepada ucapan yang diberikan itu **tidak mengandungi syiar atau ungkapan keagamaan** yang bertentangan dengan prinsip ajaran Islam.
2. Hukum **menziarahi rumah terbuka orang bukan Islam** sempena perayaan agama mereka adalah **harus** dengan mengambil kira kriteria-kriteria berikut:
  - i. Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam seperti menyertakan dan

melibatkan simbol-simbol agama, berhala dan sebagainya.

- ii. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak seperti memakai pakaian berwarna tertentu dengan kepercayaan tertentu yang melambangkan kepercayaan terhadap agama tertentu selain Islam.
  - iii. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam di negara ini seperti percampuran bebas tanpa batas dan adab sopan.
  - iv. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam seperti ucapan-ucapan atau nyanyian berbentuk dakwah keagamaan bukan Islam dan ucapan-ucapan yang menghina umat Islam.
  - v. Majlis tersebut tidak disediakan dengan makanan-makanan yang haram seperti arak, babi dan sebagainya.
3. Hukum **terlibat dalam persiapan perayaan orang bukan Islam** yang berkaitan dengan agama mereka adalah **diharamkan** di sisi syarak dan pandangan para ulama mazhab. Namun, membantu mereka dalam perayaan kebudayaan memerlukan pemerhatian yang lebih terperinci. Ini kerana seseorang Muslim perlu mengenal pasti sejauh mana perayaan kebudayaan itu mempunyai unsur-unsur kepercayaan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Jika unsur-unsur kepercayaan tersebut mendominasi maka seharusnya orang Islam hendaklah menjauhi tindakan membantu dan menjayakan persiapan perayaan tersebut.

Namun jika perayaan tersebut adalah semata-mata berbentuk kebudayaan maka penyertaan orang bukan Islam tersebut adalah harus.

4. Hukum **menjual barangan yang khas digunakan orang bukan Islam** dalam perayaan agama mereka adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- i. Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam seperti menyertakan simbol-simbol agama, berhala dan sebagainya.
- ii. Orang Islam boleh menjual barang-barang yang harus dijual kepada orang bukan Islam seperti pakaian dan makanan selagi mana tidak jelas perkara itu memberi kemaslahatan dalam upacara atau sambutan perayaan keagamaan mereka. Jika sudah jelas barang-barang tersebut digunakan untuk perayaan keagamaan orang bukan Islam, maka orang Islam perlu mengelakkan diri daripada terlibat.
- iii. **Diharamkan** untuk orang Islam menjual barang-barang yang khusus digunakan dalam upacara atau sambutan perayaan orang bukan Islam seperti pakaian yang khusus atau alat-alat keagamaan mereka.

5. Hukum **orang Islam mengenakan pakaian untuk sambutan sesuatu perayaan bukan Islam** adalah seperti berikut:

- i. Tidak boleh malah hukumnya **haram** memakai pakaian yang khusus bagi sesuatu kaum tertentu jika mempunyai kaitan yang rapat dengan kepercayaan keagamaan mereka dan juga mendedahkan aurat seperti kostum atau topi *Santa Clause*, pakaian paderi, pakaian sami, lambang salib dan sebagainya.
- ii. Pada pakaian yang menjadi adat kaum lain yang tiada kaitan dengan ajaran agama mereka secara khusus seperti sari, kurta, *samfoo*, *cheongsam* dan sebagainya secara asasnya adalah

**harus** selagi mana tidak terdapat unsur membesarkan agama orang bukan Islam dan memelihara aurat. Namun sebaiknya orang Islam mengelakkan diri daripada memakai pakaian tersebut pada hari perayaan orang bukan Islam atas dasar *sadd al-zari'ah* iaitu menutup sebarang peluang berlakunya *tasyabbuh* yang dilarang.

- iii. Pakaian yang sudah menjadi kebiasaan umum seperti tali leher dan kot, maka tidak menjadi isu bagi Muslim untuk memakainya pada perayaan orang bukan Islam selagi mana tidak menzahirkan pembesaran kepada agama mereka.

6. Hukum **menjemput atau membawa orang bukan Islam ke dalam kawasan masjid** untuk diraikan, menjamu mereka makanan atau memberikan taklimat mengenai Islam adalah **harus** menurut pendapat mazhab Syafie. Bahkan inisiatif ini adalah baik bagi tujuan dakwah. Namun demikian, aktiviti-aktiviti berkenaan tidak boleh dilaksanakan bersempena dengan hari perayaan mereka. Ini kerana perbuatan tersebut melambangkan seakan masjid turut sama membesarkan perayaan mereka yang merupakan manifestasi kesyirikan dan kekufuran. Bagi menjaga kesucian masjid dan keutamaannya, pihak pengurusan masjid yang hendak melaksanakan aktiviti melibatkan orang bukan Islam di dalam kawasan masjid hendaklah menitikberatkan beberapa perkara berikut:

- i. Aktiviti yang melibatkan orang bukan Islam di kawasan masjid tidak dilaksanakan pada hari perayaan mereka atau bersempena dengan perayaan tersebut.
- ii. Orang bukan Islam tersebut sebaiknya tidak memakai pakaian atau membawa sebarang alatan atau simbol yang khusus bagi agama mereka.

- iii. Orang bukan Islam hendaklah menjaga adab-adab di dalam masjid seperti memakai pakaian yang sopan dan menghormati masjid sebagai tempat ibadah orang Islam.
- iv. Kehadiran mereka hendaklah diawasi oleh pihak masjid/penganjur.

## PENDAHULUAN

**S**etiap kaum dan agama mempunyai sambutan kebudayaan dan perayaan masing-masing. Sebagai contoh, masyarakat Islam di Malaysia amnya dan di Pulau Pinang khususnya turut merayakan Aidilfitri dan Aidiladha. Kaum Cina pula meraikan Tahun Baru Cina dan Wesak. Selain itu bagi masyarakat India meraikan perayaan Deepavali dan Ponggal, manakala penganut agama Kristian meraikan perayaan Krismas.

Sebagai sebuah negara yang didiami oleh masyarakat yang mempunyai kepelbagaian budaya dan anutan ini, kebersamaan masyarakat dapat dilihat semasa meraikan sesuatu perayaan. Ini dibuktikan dengan amalan ziarah menziarahi, saling berbalas ucapan selamat menyambut perayaan dan juga cara berpakaian yang sama mengikut perayaan sesuatu kaum tersebut.

Tidak dinafikan bahawa amalan tersebut baik untuk keharmonian dan perpaduan kaum di Malaysia. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh umat Islam kerana adanya pandangan hukum yang berkaitan dengan perkara tersebut khususnya yang melibatkan soal-soal akidah.

Dalam menjalankan kajian ini, tumpuan diberikan kepada jenis-jenis perayaan dan kebudayaan bukan Islam yang terdapat di Malaysia seperti berikut;

<b>Bil</b>	<b>Nama Perayaan</b>	<b>Jenis Perayaan</b>
1.	Tanglung	Mempunyai unsur-unsur kepercayaan dan agama
2.	Tahun Baru Cina	Perayaan bersifat tradisi dan disulam dengan amalan agama oleh sebahagian penganut agama Buddha
3.	Deepavali	Mempunyai unsur-unsur kepercayaan dan agama
4.	Ponggal	Mempunyai unsur-unsur kepercayaan dan agama
5.	Wesak	Mempunyai unsur-unsur kepercayaan dan agama
6.	Krismas	Mempunyai unsur-unsur kepercayaan dan agama

# BAB 1: LATAR BELAKANG PERAYAAN-PERAYAAN BUKAN ISLAM

## 1. Perayaan Tanglung

Tanglung merupakan satu elemen kebudayaan masyarakat Cina semenjak tahun 250 SM lagi. Tanglung kebiasaannya berwarna merah yang dibuat bertujuan melindungi api atau lilin dari terpadam akibat tiupan angin. Pesta Tanglung adalah suatu pesta yang diraikan oleh masyarakat Cina pada hari ke-15 Tahun Baru Cina iaitu semasa bulan penuh mengikut kalendar Cina (Lunar). Pesta Tanglung juga digelar sebagai Tahun Baru Kecil kerana ia menandakan pengakhiran Tahun Baru Cina dan bermulanya turutan perayaan kecil yang lain. Di negara China, perayaan ini dikenali sebagai Pesta Shang Yuan atau Malam Yuan. Manakala, pada zaman kuno, perayaan ini dikenali sebagai Pesta Yuan Xiao atau Malam Xiao).<sup>1</sup>

Pesta ini mula diadakan pada zaman Dinasti Qin yang jatuh pada bulan Yuan pada masa silam.<sup>2</sup> Semasa Dinasti Sui, pada kurun ke-6, Maharaja Yangdi menjemput utusan khas dari negara-negara lain ke China untuk melihat tanglung-tanglung bercahaya yang berwarna-warni serta menikmati persembahan gala. Dalam era Dinasti Tang pada kurun ke-7, paparan tanglung akan bertahan selama tiga hari di mana maharaja membatalkan perintah berkurung dan membenarkan rakyat untuk menikmati Pesta Tanglung siang dan malam. Sewaktu Dinasti Song, pesta ini diraikan selama lima hari dan mula tersebar ke

---

<sup>1</sup> Siti Zuraida Maaruf dan Syamsul Nor Azlan Mohamad. *Modul Pedagogi Responsif Budaya Seni Kraf Tradisional Pendidikan Seni Visual*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA. 2014, hlm. 3-4.

<sup>2</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Bayan Linnas Siri ke-118: Pesta Tanglung Dan Kuih Bulan: Satu Sisi Pandang*. <http://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/647-bayan-linnas-siri118-pesta-tanglung-kuih-bulan-satu-sisi-pandang>. Muat turun 5 Oktober 2019.

bandar-bandar besar di China di mana kaca dan jed berwarna digunakan untuk membuat tanglung yang dicat dengan tokoh-tokoh karakter dari cerita rakyat.<sup>3</sup>

Terdapat pelbagai kepercayaan tentang asal-usul Pesta Tanglung. Antaranya Pesta Tanglung dikatakan berasal dari “Pesta Obor” orang Han di kawasan desa yang memegang obor untuk menghalau haiwan perosak tanaman seperti cacing dan serangga. Tanglung-tanglung yang dinyalakan dipercayai dapat mengurangkan haiwan perosak tanaman supaya mendapat hasil tuaian yang baik.<sup>4</sup>

Sementara itu, Pesta Tanglung juga dipercayai mempunyai perkaitan dengan legenda penyembahan Taiyi iaitu Tuhan Syurga yang dipercayai mengawal takdir dunia manusia pada zaman kuno. Tuhan Syurga dipercayai mempunyai sebanyak 16 ekor naga di deknnya dan mempunyai kuasa untuk memanggil dan menentukan fenomena kemarau, ribut, kebuluran dan wabak penyakit dalam kehidupan manusia. Maharaja Qin Shi Huang dikatakan pernah meminta Tuhan Syurga supaya memberi cuaca dan kesihatan yang baik kepadanya dan juga kepada rakyatnya.<sup>5</sup>

Menurut sebuah legenda yang lain pula Pesta Tanglung dikaitkan dengan dewa Taoisme, iaitu Tianguan yang bertanggungjawab untuk menentukan nasib yang baik. Hari jadinya jatuh pada hari ke-15 pertama bulan berkenaan. Oleh kerana Tianguan dikatakan menyukai semua jenis hiburan, maka para pengikutnya menyediakan pelbagai jenis aktiviti sebagai persembahan sementara berdoa untuk mendapat nasib

---

<sup>3</sup> Siti Zuraida Maaruf dan Syamsul Nor Azlan Mohamad. *Modul Pedagogi Responsif Budaya Seni kraf Tradisional Pendidikan Seni Visual*. Hlm. 7.

<sup>4</sup> Ibid. Hlm. 4.

<sup>5</sup> Ibid. Hlm. 4-5.

yang baik.<sup>6</sup> Ajaran Taoisme menggelar pesta ini sebagai Shang Yuan. Shang merujuk kepada syurga.<sup>7</sup>

Dalam pada itu, terdapat legenda lain berkaitan asal-usul Pesta Tanglung di mana menurut legenda tersebut, terdapat seekor burung cantik yang terbang ke bumi dari syurga akan tetapi burung tersebut telah diburu dan dibunuh oleh penduduk kampung secara tidak sengaja sehingga mengakibatkan kemarahan Maharaja Jed yang menyukai haiwan tersebut. Lantaran itu, Maharaja Jed telah menurunkan bencana ribut api yang memusnahkan kampung tersebut pada hari ke-15 kalendar Lunar Cina. Maka, seorang lelaki tua dari sebuah kampung yang lain telah mencadangkan agar setiap keluarga menggantung tanglung berwarna merah di sekeliling rumah mereka, menghidupkan unggun api di tepi-tepi jalan dan membakar mercun pada hari ke-14, 15 dan 16 Lunar bagi menampakkan kepada Maharaja Jed bahawa kampung yang dimurkainya itu kelihatan terbakar dan menyangka bahawa penduduk kampung tersebut telah pun mati dalam kebakaran.<sup>8</sup>

Sementara itu, terdapat juga legenda bahawa Dewa Api yang diutuskan oleh Maharaja Jed untuk menjalankan kebakaran suka memakan Tang Yuan (Ladu Manis). Maka, pemerintah pada waktu itu telah menjalankan upacara pujaan dan mengeluarkan perintah kepada semua penghuni rumah supaya menyediakan Tang Yuan untuk menyembah Dewa Api pada waktu yang sama, di samping menggantung tanglung merah dan membakar mercun.<sup>9</sup>

---

<sup>6</sup> Ibid. Hlm. 5.

<sup>7</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Bayan Linnas Siri ke-118: Pesta Tanglung Dan Kuih Bulan: Satu Sisi Pandang*.

<sup>8</sup> Siti Zuraida Maaruf dan Syamsul Nor Azlan Mohamad. *Modul Pedagogi Responsif Budaya Seni Kraf Tradisional Pendidikan Seni Visual*. Hlm. 5; Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Bayan Linnas Siri ke-118: Pesta Tanglung Dan Kuih Bulan: Satu Sisi Pandang*.

<sup>9</sup> Ibid. Hlm. 6

Pesta ini turut disambut di Malaysia semenjak zaman penjajahan British. Walau bagaimanapun, Pesta Tanglung di Malaysia dirayakan pada Perayaan Kuih Bulan iaitu pada hari ke-15 dalam bulan ke-8 mengikut kalendar Cina.<sup>10</sup>

Pada malam hari ke-15 dalam bulan ke-8, masyarakat Cina di Malaysia umumnya menggantung tanglung sebagai suatu tradisi. Kadangkala, puisi dan teka-teki ditulis pada tanglung-tanglung di mana kanak-kanak yang keluar ke tokong dengan membawa tanglung kertas tersebut akan cuba menyelesaikan teka-teki (*riddles*) yang lazimnya mengandungi pesanan nasib yang baik, penyatuan semula keluarga, perolehan hasil tanaman yang amat banyak, kemakmuran dan kecintaan.<sup>11</sup> Semasa pesta tersebut, masyarakat Cina juga menyediakan hidangan manisan Yuan Xiao (bola pulut) untuk dimakan bersama dengan keluarga.<sup>12</sup>

Sementara itu, Pesta Tanglung di Malaysia dikaitkan dengan kepercayaan Chang Ge (Dewi Bulan) di mana pada malam perayaan tersebut adalah hari bulan mengambang. Terdapat juga mitos bahawa Xuanzong (Maharaja Tang Ming) telah mengunjungi istana di bulan.<sup>13</sup>

Semasa perayaan tanglung, buah limau mandarin dan juga limau bali dihidangkan kepada dewa-dewa yang ada di rumah. Sementara itu, daun limau bali direndam dalam kolam air untuk mandian bagi menghilangkan sial pada badan.<sup>14</sup>

---

<sup>10</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Bayan Linnas Siri ke-118: Pesta Tanglung Dan Kuih Bulan: Satu Sisi Pandang*.

<sup>11</sup> Ann Wan Seng. *Perayaan Orang Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1994.

<sup>12</sup> Siti Zuraida Maaruf dan Syamsul Nor Azlan Mohamad. *Modul Pedagogi Responsif Budaya Seni kraf Tradisional Pendidikan Seni Visual*. Hlm. 3-4.

<sup>13</sup> Ann Wan Seng. *Perayaan Orang Cina*. Hlm. 57-58.

<sup>14</sup> *Ibid.* Hlm. 61.

Justeru, perayaan tanglung boleh dianggap sebagai sebuah perayaan tradisi kerana sejarahnya yang kabur. Walau bagaimanapun, Pesta Tanglung tidak sunyi dari unsur kepercayaan terhadap nasib, syurga dan mitos-mitos rakyat dahulu kala.<sup>15</sup>

## **2. Perayaan Tahun Baru Cina**

Sejarah sambutan Tahun Baru Cina dikatakan bermula dari kisah sebuah kampung yang sering diganggu makhluk mistik. Untuk menghindarkan diri dari gangguan tersebut, seorang tua mencadangkan agar penduduk kampung membuat bising untuk menakutkan dan menjauhkan makhluk tersebut dari perkampungan tersebut. Maka, penduduk tempatan membuat bunyi bising melalui pembakaran mercun, pukulan gendang dan dengan menggantung kertas berwarna merah untuk menakutkan makhluk tersebut.

Pada setiap tahun, perayaan Tahun Baru Cina dirayakan dengan zodiak tertentu berdasarkan kalendar Lunar Cina. Masyarakat Cina percaya setiap zodiak mempunyai kelebihan masing-masing. Tempoh perayaan Tahun Baru Cina berlangsung selama 15 hari.

Sebelum Dinasti Qin, tarikh perayaan permulaan sesuatu tahun adalah tidak jelas. Barangkali, awal tahun bermula dengan bulan 1 ketika Dinasti Xia, bulan 12 ketika Dinasti Shang dan bulan 11 ketika Dinasti Zhou di China. Namun, adalah diketahui bahawa “bulan lompat” yang dipakai untuk memastikan kalendar Qamari selari dengan matahari sentiasa ditambah selepas bulan 12 ketika Dinasti Shang (menurut catatan tulang orakel yang masih wujud) dan Zhou (menurut Sima Qian).

---

<sup>15</sup> Temu bual dengan Profesor Madya Dr. Goh San Seong, Pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 28 Mei 2019.

Maharaja pertama China, Qin Shi Huang menukar dan menetapkan awal tahun pada bulan 10 pada 221 SM, sama ada Tahun Baru dirayakan pada awal bulan 10 atau bulan 1, atau kedua-duanya adalah tidak diketahui. Pada 104 SM, Maharaja Wu yang memerintah sewaktu Dinasti Han menetapkan bulan 1 sebagai awal tahun yang masih kekal sehingga ke hari ini.<sup>16</sup>

Dalam memerihalkan tentang sambutan perayaan dalam kalangan masyarakat Cina, Daniel Tong menyifatkan bahawa agama dalam masyarakat Cina bukanlah bermula sebagai sebuah agama *per se*, akan tetapi ia merupakan sistem falsafah dan pemikiran manusia: *“...Examination of Daoism shows that it did not start out as a religion per se, but as a system of philosophical thought. The same may be said of Confucianism. Basically, the Chinese practised tribal folk religion where each tribe worshipped its own provincial, city or village deities. These deities gained greater prominence during the Shang Dynasty”*.<sup>17</sup>

Sambutan Tahun Baru Cina adalah demi menyambut tahun baru bagi masyarakat Cina mengikut kalendar mereka. Mengikut kalendar Cina, setiap tahun akan diwakili dengan satu zodiak haiwan. Bagi masyarakat Cina, setiap tahun mempunyai kelebihanannya yang tersendiri berdasarkan zodiak haiwan kalendar Cina.<sup>18</sup>

Sehari sebelum sambutan Tahun Baru Cina, ahli keluarga akan berkumpul dan makan bersama-sama sebagai lambang bersepadu dalam keluarga. Sambutan Tahun Baru Cina berlangsung selama 15 hari

---

<sup>16</sup> Ilie Bengking (3 November 2011). “HBEF 2803S.MP Perkembangan profesionalisme keguruan (S.MP).” Kajian Dokumen (T1A1), Fakulti Pendidikan dan Bahasa, Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Kota Kinabalu, Sabah.

<sup>17</sup> Daniel Tong, *A Biblical Approach to Chinese Traditions and Beliefs*, 2011. Armour Publishing Pte. Ltd., Hlm. 15.

<sup>18</sup> YADIM, *Islam dan tahun baru Cina*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. <http://www.yadim.com.my/v2/islam-dan-tahun-baru-cina/> 14 Februari 2018.

dan pada hari ke-15 merupakan perayaan Pesta Tanglung, terutamanya di negara China.<sup>19</sup> Manakala di Malaysia, pada hari ke-15 bulan pertama dalam kalendar Cina adalah sambutan *Chap Goh Mei* (dalam dialek Hokkein) iaitu versi Cina bagi Hari Valentine di mana hidangan manisan *Tangyuan* (bebola pulut) dimakan.<sup>20</sup>

Antara amalan, adat dan kepercayaan masyarakat Cina semasa sambutan Tahun Baru Cina adalah seperti berikut:

- i. Ahli keluarga akan membersihkan rumah dan menurut kepercayaan masyarakat Cina, ianya bagi menghilangkan hantu dan juga sial. Pada hari-hari sebelum Tahun Baru Cina, keluarga-keluarga Cina membersihkan rumah mereka secara menyeluruh kerana mereka percaya bahawa pembersihan ini menghalau nasib malang dan musibah yang menimpa pada tahun yang lalu serta menyediakan rumah mereka untuk menjemput nasib baik.<sup>21</sup>
- ii. Orang Cina dilarang menyapu sampah atau habuk dalam rumah pada dua (2) hari pertama Tahun Baru Cina kerana dikhuatiri akan menghalau keluar segala tuah.<sup>22</sup> Penyapu dan pengumpul habuk disimpan pada malam sebelum Tahun Baru Cina dan hari pertama agar nasib baik itu tidak boleh disapu keluar.<sup>23</sup>
- iii. Makan malam bersama pada malam sambutan tahun baru adalah perkara yang sangat penting.

---

<sup>19</sup> Umie Azahrah. t.t. *Perkembangan budaya masyarakat Cina. Asal usul, perkembangan penempatan dan sumbangan suku kaum masyarakat Bajau Simunul Semporna Sabah*. [https://www.academia.edu/30308539/Perkembangan\\_budaya\\_masyarakat\\_cina](https://www.academia.edu/30308539/Perkembangan_budaya_masyarakat_cina)

<sup>20</sup> Ilie Bengking (3 November 2011); Umie Azahrah (t.t.).

<sup>21</sup> Ann Wan Seng. Hlm. 19.

<sup>22</sup> *Ibid.*, Hlm. 21.

<sup>23</sup> Ilie Bengking, 2011.

<sup>24</sup> Ann Wan Seng, Hlm. 19.

- iv. Menjelang waktu tengah malam kedatangan Tahun Baru Cina masyarakat Cina biasanya mengadakan upacara memuja dewa langit.<sup>24</sup>
- v. Sampul merah (*hong bao* dalam bahasa Mandarin atau *ang pow* dalam bahasa Hokkien) diberikan kepada mereka yang belum berkahwin dan tidak mempunyai pekerjaan oleh pasangan yang sudah berkahwin.<sup>25</sup>
- vi. Warna merah digunakan kerana menurut kepercayaan masyarakat Cina, merah melambangkan nasib dan masa hadapan yang baik. Dekorasi rumah juga dihiasi dengan hiasan berwarna merah.
- vii. Memakan mi yang panjang dengan kepercayaan bahawa semakin panjang mi yang dimakan, semakin panjang umur yang bakal dinikmati. Jika mahu umur yang panjang, jangan dipotong mi tersebut.
- viii. Memakai pakaian yang berwarna merah dan mengelak dari memakai pakaian berwarna hitam.
- ix. Terdapat juga keluarga yang mengundang tarian singa pada hari pertama Tahun Baru Cina sebagai upacara simbolik menyambut Tahun Baru sambil mempercayai bahawa ianya dapat menghalau puaka dan musibah dari rumah.<sup>26</sup>
- x. Pembakaran mercun dilakukan kerana dipercayai boleh menghalau nasib sial, roh-roh jahat dan hantu-hantu lapar daripada mengganggu kehidupan mereka dan anggota keluarga mereka.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup> *Ibid.*, Hlm. 19.

<sup>26</sup> Ilie Bengking, 2011.

<sup>27</sup> Ann Wan Seng, h. 21.

Secara tradisinya, masyarakat Cina memeriahkan sambutan Tahun Baru Cina dengan mengucapkan *Gong Xi Fa Chai* (tahniah dan semoga mendapat rezeki). Semasa perayaan Tahun Baru Cina, terdapat upacara makan bersama yang diadakan bagi mengucapkan kemakmuran yang disebut sebagai *Yee Sang* (*Prosperity Toss*). Tradisi menghadirkan *Yee Sang* ini hanya popular dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura dan tidak pula di Tanah Besar China, Hong Kong mahupun Taiwan. Hidangan *Yee Sang* ini terdiri daripada tujuh (7) jenis makanan yang berlainan warna, seperti hirisan betik, lobak putih, lobak merah, ikan salmon mentah, kekacang, aneka sayur-sayuran dan aneka sos serta beberapa ramuan lain.

Perayaan Tahun Baru Cina adalah sebuah perayaan adat ataupun tradisi yang turut disulamkan dengan kepercayaan dan amalan keagamaan mereka. Oleh sebab itu, sesetengah penganut agama Buddha turut menyambut perayaan Tahun Baru Cina mengikut ritual agama mereka, walaupun ia tidak dianggap sebagai sambutan perayaan agama Buddha. Ini kerana bangsa Cina yang tidak menganuti agama Buddha juga menyambut perayaan ini. Justeru, ada yang menganggap bahawa perayaan Tahun Baru Cina adalah perayaan tradisi bangsa Cina memandangkan penganut agama Buddha turut menyambutnya mengikut ritual agama mereka.<sup>28</sup>

### **3. Perayaan Deepavali**

Deepavali ialah istilah yang diterbitkan daripada dua perkataan, iaitu *Deepam* (pelita atau lampu) dan *Vali* (barisan atau deretan). Jadi, Deepavali membawa maksud 'sebarisan pelita' ataupun 'sederetan pelita'.<sup>29</sup> Cahaya pelita melambangkan penghapusan kegelapan, restu

---

<sup>28</sup> Institut Kajian Islam dan Strategik DUPP, t.t., Hlm. 10.

<sup>29</sup> M. Rajantheran dan S. Manimaran, 1994, *Perayaan Orang India*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., Hlm. 7.

Tuhan yang dapat menghindarkan manusia daripada segala kejahatan dan kejahatan.<sup>30</sup>

Perayaan Deepavali merupakan perayaan yang bersifat sosial. Perayaan ini tidak berpusat di kuil seperti perayaan Thaipusam. Secara umumnya, perayaan ini dirayakan untuk menghapuskan segala kejahatan serta kejahatan dan menguatkan serta memelihara nilai-nilai murni. Penganut agama Hindu percaya bahawa pada hari Deepavali, manusia diberi peluang untuk mengimbas kembali segala perlakuan yang lalu sama ada baik atau buruk. Aspek-aspek yang buruk perlu dikikis dan yang baik pula disematkan di hati. Ini akan menimbulkan ketenangan serta memberi cahaya baru kepada manusia.<sup>31</sup>

Deepavali merupakan salah satu perayaan yang mempunyai sejarah yang panjang, namun tiada bukti yang dapat menentukan tarikh permulaan perayaan ini. Berdasarkan kalendar Tamil, perayaan Deepavali dirayakan pada bulan *Aippsi* yang merupakan akhir bulan Oktober ataupun awal bulan November. Perayaan ini diraikan pada hari bulan genap iaitu sehari sebelum bulan mengambang. Hari tersebut dikenali sebagai *Chaturdasi* berdasarkan kalendar Tamil.<sup>32</sup>

Sungguhpun tiada bukti yang dapat menentukan permulaan perayaan Deepavali, terdapat pelbagai adat resam dan kepercayaan dalam perayaan tersebut. Ada yang mengaitkan perayaan ini dengan tradisi cerita karya Ramayana dan ada juga yang mengaitkan dengan tradisi cerita-cerita Purana iaitu cerita-cerita tentang dewa-dewi Hindu.<sup>33</sup>

---

<sup>30</sup> *Ibid.*, Hlm.7; Firdaus Mahmud (t.t.). *Perayaan di Malaysia*. [https://www.academia.edu/17578768/Perayaan\\_Di\\_Malaysia](https://www.academia.edu/17578768/Perayaan_Di_Malaysia)

<sup>31</sup> *Ibid.*, Hlm. 6-7; *Ibid.*

<sup>32</sup> *Ibid.*, Hlm. 7.

<sup>33</sup> *Ibid.*, Hlm. 8.

Berdasarkan cerita mitos dalam epik Ramayana menceritakan bahawa Ramayana berjaya membunuh Rawana dengan bantuan Laksamana dan Hanuman. Menurut karya ini, Sri Rama adalah jelmaan Dewa Vishnu dan Rawana adalah simbol segala kejahatan. Maka, kematian Rawana dianggap sebagai penghapusan kegelapan. Sementara itu, kemenangan Sri Rama dianggap sebagai terbitnya cahaya yang menerangi manusia.

Selain itu, terdapat sebuah kisah mengenai rakyat negara Kosala, yang ibu kotanya dikenali sebagai Ayodhya telah memasang pelita minyak pada awal pagi untuk meraikan kepulangan Sri Rama bersama isterinya Sita Dewi dari Sri Lanka. Sebelum itu, Sita Dewi telah dipenjarakan oleh Rawana dan diselamatkan oleh Sri Rama. Kepulangan Sri Rama ini amat bermakna kepada rakyat negara Kosala kerana Sri Rama dipercayai sebagai jelmaan Dewa Vishnu yang dikatakan telah menghapuskan Rawana dalam pertempuran yang hebat serta berjaya menyelamatkan isterinya. Justeru, kepulangan Sri Rama dianggap membawa cahaya kepada rakyat negara Kosala. Oleh yang demikian, mereka meraikan ulang tahun kepulangan Sri Rama sebagai hari Deepavali.<sup>34</sup>

Di samping itu, terdapat satu lagi legenda yang popular dalam cerita-cerita Purana (cerita-cerita tentang dewa-dewi Hindu) tentang perayaan Deepavali.<sup>35</sup> Menurut legenda ini, pada zaman dahulu, terdapat seorang pemerintah bernama Naraksuran. Beliau merupakan seorang pemerintah yang zalim kerana ramai rakyat yang telah dianiayainya. Rakyat yang menderita telah memohon bantuan daripada Dewa Krishna dan doa mereka telah dikabulkan dengan melihat

---

<sup>34</sup> *Ibid.*, Hlm. 7.

<sup>35</sup> *Ibid.*, Hlm. 8.

kematian Narakasuran. Hari kejayaan yang penuh kegembiraan ini disambut dengan memasang lampu-lampu minyak bak cahaya yang terang timbul setelah kegelapan berpanjangan dalam kehidupan mereka. Sambutan ulang tahun kemenangan ini dikenali sebagai Deepavali.<sup>36</sup>

Sehingga hari ini orang India akan melakukan upacara memasang pelita yang akan dilakukan oleh seluruh ahli keluarga pada perayaan Deepavali demi memperingati dewa-dewi mereka. Malah, antara sebab mereka menghiasi rumah-rumah mereka dengan cahaya lampu yang terang adalah untuk menyambut kedatangan Dewa kemakmuran dan kekayaan iaitu Dewa Laksmi.<sup>37</sup> Justeru, perayaan Deepavali adalah sebuah perayaan keagamaan kerana melibatkan unsur kepercayaan terhadap dewa dewi.<sup>38</sup>

#### 4. Perayaan Ponggal

Pesta Ponggal adalah pesta yang berasal dan diraikan di seluruh India dengan nama yang pelbagai mengikut tempat. Antara nama-nama lain bagi Pesta Ponggal adalah:<sup>39</sup>

- i. *Ponggal* (Tamil Nadu).
- ii. *Maghi* (Lahore).
- iii. *Bihu/Bohaggiyo Bhishu* (Assam).
- iv. *Sankrat* (Rajasthan).
- v. *Makara Sankranti* (Maharashtra).

<sup>36</sup> Azliah Maya (26 Jun 2013). *Perayaan Deepavali*. Dipetik dari <http://www.slideshare.net/AzliahMaya/perayaan-deepavali>; M. Rajantheran dan S. Manimaran, 1994, Hlm. 8.

<sup>37</sup> Firdaus Mahmud (t.t.).

<sup>38</sup> Temubual Saravanan P. Veeramuthu dan Balu Subramanian, 2019.

<sup>39</sup> Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (29 Januari 2019). *Al-Afkar #39: Muslim menyertai pesta Ponggal*. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Dipetik dari <http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/3062-al-afkar-39-muslim-menyertai-pesta-ponggal>; Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (30 Januari 2019). Umat Islam dilarang sertai pesta Ponggal: Pejabat Mufti Wilayah. *Fakir Ilmu*. Dipetik dari <https://www.fakirilmu.com/2019/01/30/umat-islam-dilarang-sertai-pesta-ponggal-pejabat-mufti-wilayah/>

- vi. *Uttarayan* (Gujarat).
- vii. *Magha Saaji* (Shimla).
- viii. *Poush Sankranti* (Bengal Barat).

Secara khususnya, Ponggal adalah satu pesta yang diraikan oleh masyarakat di Selatan India terutamanya masyarakat Tamil. Pesta Ponggal disambut pada hari pertama bulan Thai (pada 14 Januari setiap tahun).<sup>40</sup>

Pesta Ponggal juga adalah meraikan fasa-fasa awal kitaran pertanian. Ia adalah masa bagi mendoakan musim menanam padi yang produktif dan musim menuai yang baik pada masa hadapan. Kebiasaannya, lembu-lembu juga dimandikan pada hari ini begitu juga meraikan aspek-aspek lain berkaitan produktiviti pertanian.<sup>41</sup>

Pelbagai cerita dibawakan berkenaan Dewa Surya yang mempunyai kesan terhadap sambutan Pesta Ponggal kerana dipercayai merupakan sumber tenaga dan penyumbang utama bagi pertanian. Surya adalah Dewa Matahari dalam kepercayaan agama Hindu dan penjaga bagi sudut selatan dan barat. Bapanya adalah Dewa Langit iaitu Dyaus. Terdapat satu mitos menyebut bahawa dia dijadikan daripada mata Purusha iaitu makhluk kosmos. Rambutnya dan kedua-dua lengannya berwarna emas. Dewa Surya menaiki kereta kuda yang dikenderai oleh empat atau tujuh ekor kuda. Di tangannya terdapat bunga teratai dan juga cakera.<sup>42</sup>

---

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Melton, J. Gordon, Beverly, James A., Buck, Christopher, & Jones, Constance, A. (13 September 2011). *Religious celebrations: An encyclopedia of holidays, festivals, solemn observances, and spiritual commemorations*. CA: ABC-CLIO, Hlm. 547.

<sup>42</sup> Lurker, Manfred (22 Ogos 2004). *The Routledge dictionary of god, goddesses, devils and demons*. London: Routledge, Hlm. 178.

Dewa Surya mempunyai ramai anak, antaranya Dewa Shani yang dinisbahkan dengan Planet Saturn. Semasa Shani lahir, dikatakan berlaku gerhana matahari. Dewa Shani dan Dewa Surya dikatakan sering berbeza pandangan, namun pada hari pertama dalam bulan Thai, Dewa Surya akan menziarahi Dewa Shani. Makanan terutamanya manisan disediakan dengan menggunakan minyak bijan kerana kelikatan dan kepekatannya. Oleh itu, manisan yang diberikan adalah sebagai simbol tautan dan hubungan yang erat walau apa pun jua perbezaan yang ada.<sup>43</sup>

Berdasarkan temu bual dengan Encik Vijayan Govindasamy yang merupakan Pengerusi Kuil Sri Maha Mariamman, Kepala Batas, beliau menyatakan bahawa perayaan Ponggal boleh dikatakan perayaan keagamaan kerana ada unsur kepercayaan. Sebagai contoh, pada hari sambutan perayaan Ponggal, masyarakat India menyambutnya selama tiga hari berturut-turut dengan memasak beras dan susu dalam periuk tanah. Ketika memasak, penganut Hindu percaya apabila ia mendidih dan meruap, arah keluar nasi yang mendidih menunjukkan sama ada pada tahun tersebut akan mendatangkan tuah baik atau sebaliknya. Apabila arah keluar nasi yang mendidih ke arah rumah atau ke arah matahari terbit ia menandakan hari baik. Namun jika ia keluar di sebelah kanan atau kiri, ia menandakan nasib yang tidak baik.<sup>44</sup> Pada hari kedua, anak gadis mula akan membuat ritual perayaan Ponggal dengan memasak nasi. Hari ketiga, kebiasaannya disambut di kuil dengan menghias lembu dengan ritual dan mantera tertentu.

Menurut Santhira Morgan pula, perayaan Ponggal sememangnya ada unsur penyembahan dan pendewasaan kepada matahari. Para

---

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> Temubual dengan Encik Vijayan Govindasamy, Pengerusi Kuil Sri Maha Mariamman, Kepala Batas pada 28 Jun 2019 jam 530 petang di kedai runcit beliau di Kepala Batas.

pengganut Hindu akan berzikir dengan ungkapan “Surya Namaskaram” berulang-ulang kali sebagai tanda terima kasih kepada matahari yang menumbuhkan tanaman khususnya padi.<sup>45</sup> Hal ini selari dengan tulisan M. Rajentheran dan S. Manimaran yang menyata bahawa pesta Ponggal dirayakan sempena berakhirnya musim menuai dan bertujuan ‘berterima kasih’ dan mempersembahkan hasil tuaian kepada ‘*Suriabhagawan*’ atau Dewa Matahari atas ‘kurniaan’ membantu menghasilkan kekayaan harta benda melalui tanaman dan ternakan.

Khadijah Mohd Khambali turut mengklasifikasikan bahawa perayaan Ponggal adalah perayaan keagamaan dan adalah wajar umat Islam tidak merai dan merayakannya. Islam melarang tegas perbuatan tasyabbuh dalam aspek akidah, ibadah, amalan, sosio budaya, syiar dan kepercayaan masyarakat bukan Muslim. Walaupun Islam menitikberatkan hubungan antara umat beragama, namun wajar berlangsung selaras dengan prinsip Islam. Setiap masyarakat etnik yang berbeza agama wajar kekal dengan amalan masing-masing dalam batasan yang dibenarkan dan tidak mengganggu gugat keharmonian dan perpaduan yang sedia terjalin.<sup>46</sup>

Justeru, perayaan Ponggal adalah dianggap sebagai sebuah perayaan keagamaan kerana wujud unsur-unsur pemujaan, penyembahan dan kepercayaan.

## **5. Perayaan Wesak**

Hari Wesak melambangkan Kelahiran, Pencerahan Agung, dan Kewafatan Gautama Buddha. Hari Wesak juga dikenali dengan nama

---

<sup>45</sup> Temubual dengan Santhira Morgan pada 13 Jun 2019 di Universiti Sains Malaysia.

<sup>46</sup> Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. t.t. “Analisis Perayaan Thai Ponggal Masyarakat India di Malaysia.” Kertas kerja yang tidak diterbitkan, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Visakah Puja atau Buddha Purnima di India, Vesak di Singapura, Visakha Bucha di negara Thai dan Wesak di Sri Lanka. Sambutan hari Wesak lazimnya diraikan dalam bulan Mei pada waktu bulan terang (purnama sidhi) iaitu bulan Lunar Vesakha untuk memperingati tiga peristiwa penting iaitu kelahiran Siddharta Buddha di negeri Kapilavastu, India pada tahun 563 SM, Siddharta Buddha mendapat ilham Agung dan menjadi Buddha di Buddha-Gaya pada usia 35 tahun pada tahun 588 SM dan Gautama Buddha mangkat di Kusinara pada usia 80 tahun pada tahun 543 SM<sup>47</sup>

Pada Hari Wesak, para penganut Buddha akan melafazkan Tisarana (Tiga Perlindungan: Buddha, Dhamma dan Sangha).

- i. Berlindung kepada Buddha membawa maksud menyanjungi Buddha sebagai Guru Agung yang telah menunjukkan cara untuk mendapat kedamaian dalam kehidupan.
- ii. Berlindung kepada Dhamma bermaksud keyakinan serta mengamalkan ajaran Buddha untuk mendapat kedamaian dalam hidup iaitu *Nibbana*.
- iii. Berlindung kepada Sangha bermaksud mendapat sokongan serta menyokong sesama umat Buddha dalam mengamalkan ajaran Buddha.<sup>48</sup>

Pada Hari Wesak juga, tokong-tokong Buddha akan dipenuhi dengan penganut-penganut agama Buddha untuk meraikan perayaan ini. Secara tradisinya, penganut-penganut agama Buddha memakai pakaian berwarna putih dan mengambil bahagian dalam upacara perayaan Hari

---

<sup>47</sup> Ann Wan Seng, Hlm. 41; The Light Of Peace. 16 Mei 2011. *Maksud Hari Wesak dan hukum menyambut dan memeriahkan*. <http://thepeace08.blogspot.com/2011/05/maksud-hari-wesak-dan-hukum-menyambut.html?m=1>

<sup>48</sup> The Light Of Peace, 2011.

Wesak seperti beribadat, menawarkan bunga-bunga, mempersembahkan makanan, menyalakan lampu, dan membakar colok.<sup>49</sup>

Walau bagaimanapun, perayaan Hari Wesak adalah berbeza mengikut tradisi masing-masing. Hari Wesak disambut dengan meriah di negara China yang mempunyai populasi penganut Buddha yang tertinggi di dunia iaitu sebanyak 255 juta orang. Manakala, di Selatan Korea, cuti Hari Wesak jatuh pada Pesta Tanglung Teratai yang lazimnya disambut dengan popular di Tokong Jogyesa di Seoul. Tokong-tokong di Korea dihiasi dengan pelbagai tanglung kertas yang berwarna-warni. Pelawat-pelawat yang datang ke tokong-tokong semasa perayaan ini akan dihidangkan dengan *bibimbap* (nasi campur). Sementara itu, di Sri Lanka, penganut-penganut Buddha menghiasi rumah mereka dengan tanglung yang diperbuat daripada kertas. Perayaan Hari Wesak ini disambut dengan meriah di Tokong Buddha Gangaramaya di Colombo, Sri Lanka yang merupakan tuan rumah kepada perayaan ini.<sup>50</sup>

Perayaan Wesak lazimnya merangkumi aktiviti-aktiviti seperti ‘memandikan’ Buddha, menghulurkan sedekah, menahan diri daripada memakan daging haiwan dengan memakan hanya sayur-sayuran, bermeditasi dengan menghayati Lapan Ajaran Buddha yang mengajar penganut-penganutnya supaya tidak membunuh, mencuri, melakukan aktiviti seksual, menuturkan kata-kata yang tidak baik, meminum minuman keras dan terjerumus dalam keseronokan duniawi untuk membolehkan penganut-penganut Buddha berada di syurga yang tinggi kelak.<sup>51</sup>

---

<sup>49</sup> Lakpura LLC (2018). Vesak festival in Sri Lanka. <https://lanka.com/events/vesak-festival/>.

<sup>50</sup> Springer, Kate. 10 Mei 2017. Vesak day: Celebrating the life of Buddha. CNN travel. <https://www.cnn.com/travel/article/buddha-birthday-vesak-day/index.html>

<sup>51</sup> Temubual Goh Sang Seong, 2019.

Pada hari yang suci buat penganut-penganut Buddha ini, 'Dana' (memberi sedekah) memainkan peranan yang penting sebagai tanda perkongsian kegembiraan dan keamanan dengan orang ramai melalui perbuatan tidak mementingkan diri sendiri yang memanfaatkan orang awam secara umumnya. Semasa minggu perayaan Wesak, penjualan minuman keras dan daging adalah diharamkan. Rumah penyembelihan ditutup untuk menggalakkan penganut-penganut Buddha memakan sayur-sayuran sahaja pada Hari Wesak. Selain itu, mereka akan berkongsi makanan dengan orang-orang lain yang melawati tokong untuk menghormati dan bersembahyang kepada Buddha.<sup>52</sup> Pada Hari Wesak juga, beribu-ribu burung, serangga dan haiwan dilepaskan daripada kurungan ataupun sangkar sebagai simbol pembebasan dengan memberikan kebebasan kepada benda-benda hidup ini yang telah dipenjarakan, ditangkap atau diseksa di luar kehendak mereka.<sup>53</sup>

Di Ipoh, Perak, penganut-penganut agama Buddha mengamalkan ritual '*Sunning Buddha*' (Buddha Berjemur) pada Hari Wesak. Di tokong Buddha Enlightened Heart Tibetan di Ipoh, sami-sami Buddha meletakkan lukisan suci Buddha Tibet yang dipanggil sebagai 'Thangka' di bawah sinaran matahari untuk menyerap tenaganya yang dipercayai dapat memberikan keamanan, kesihatan dan keharmonian untuk sepanjang tahun.<sup>54</sup>

Di sesetengah tokong, patung Buddha yang bersaiz kecil dipaparkan di hadapan tempat penyembahan bersama-sama dengan besen yang dipenuhi dengan air dan bunga-bunga yang akan digunakan oleh penganut-penganut Buddha untuk dijiurkan kepada patung Buddha

---

<sup>52</sup> Lakpura LLC, 2018.

<sup>53</sup> Ann Wan Seng, Hlm. 43.

<sup>54</sup> Springer, Kate. 10 Mei 2017. *Wesak day: Celebrating the life of Buddha*. CNN travel. <https://www.cnn.com/travel/article/buddha-birthday-vesak-day/index.html>

tersebut. Ritual ini adalah perwakilan simbolik untuk penyucian hati pengamal daripada karma yang tidak baik dan bersempena dengan peristiwa kelahiran Buddha di mana roh-roh dan dewa-dewi mengurniakan persembahan syurgawi kepadanya. Di Persatuan Buddha Malaysia, penganut-penganut Buddha akan beratur dengan penuh kesabaran menunggu giliran mereka untuk peluang memandikan patung Buddha.<sup>55</sup> Justeru, perayaan Wesak adalah dianggap sebagai sebuah perayaan keagamaan kerana terdapat ritual-ritual tertentu dalam perayaan tersebut.

## 6. Perayaan Krismas

Hari Krismas juga dikenali dengan Hari Natal. Kata '*Natal*' berasal dari bahasa Latin yang bererti lahir. Manakala, secara istilah, Krismas bermakna upacara yang dilakukan oleh orang Kristian untuk memperingati hari kelahiran Isa Al-Masih yang mereka sebut sebagai Tuhan Jesus (*Jesus Christ*).<sup>56</sup>

Sambutan Krismas tercetus antara tahun 325–354 Masihi oleh Paus Liberius yang menetapkan tarikh 25 Disember. Ia sekaligus menjadi momentum penyembahan kepada Dewa Matahari yang kadangkala juga ia diperingati pada tarikh 6 Januari, 18 Oktober, 28 April atau 18 Mei. Oleh itu, sambutan ini telah ditetapkan oleh Kaisar Konstantin dengan menggunakan tarikh 25 Disember tersebut disahkan sebagai hari kelahiran Isa (Krismas).<sup>57</sup> Walau bagaimanapun, Isa sebenarnya dilahirkan pada bulan Elul (bulan Yahudi) bersamaan

---

<sup>55</sup> Temubual Goh Sang Seong, 2019.

<sup>56</sup> Apanamadotcom. 2015. *Rahsia di sebalik sambutan Natal pada 25 Disember*. <https://apanamadotcom.wordpress.com/2014/12/24/rahsia-di-sebalik-sambutan-natal-pada-25-disember/>.

<sup>57</sup> Anon. 23 November 2012. *Christmas is not based on the Bible - Christmas was the date of a pagan festival in Rome for celebrating the birthday of Sun-god (the unconquered sun): The origin of Christmas*. <https://mygodchristahnsahngong.com/2012/11/christmas-is-not-based-on-the-bible-christmas-was-the-date-of-a-pagan-festival-in-rome-for-celebrating-the-birthday-of-sun-god-the-unconquered-sun/>.

dengan bulan Ogos hingga September.<sup>58</sup>

Ketika Konstantin dan rakyat Rom menjadi penganut agama Katolik, mereka tidak mampu meninggalkan adat atau budaya pagannya, apalagi terhadap pesta rakyat untuk memperingati hari *Sunday* (*sun* = matahari; *day* = hari) iaitu kelahiran Dewa Matahari yang bertarikh 25 Disember. Maka, supaya agama Katolik boleh diterima dalam kehidupan masyarakat Rom, diadakanlah sinkretisme dengan menyatukan perayaan kelahiran *Sun of God* (Dewa Matahari) dengan kelahiran *Son of God* (Anak Tuhan = Isa), di mana 25 Disember ditetapkan sebagai hari kelahiran Isa, hari Ahad dijadikan pengganti *Sabbath day* (Hari Sabat) yang menurut hitungan jatuh pada hari Sabtu, patung Dewa Matahari digantikan dengan patung Isa, dan pokok *Evergreen* yang disembah oleh pagan diangkat sebagai pokok Krismas.<sup>59</sup>

Hari Krismas adalah perayaan agama samawi, iaitu agama yang berdasarkan wahyu Ilahi pada asalnya namun terdapat penyelewengan selepas tempoh waktu tertentu seperti agama Kristian.<sup>60</sup> Justeru, perayaan Krismas adalah sebuah perayaan keagamaan.

---

<sup>58</sup> Peake, Arthur Samuel, ed. 2001. *Peake's commentary on the Bible*. Routledge.

<sup>59</sup> Anon. 23 November 2012.

<sup>60</sup> Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj Ismail, Ahmad Badri Abdullah, dan Mohammad Aizat Jamaludin. 2013. "Fenomena al-Tasyabbuh (Penyerupaan) dalam Sambutan Perayaan Masyarakat Majmuk di Malaysia." *Jurnal Syariah* 2, bil. 1, Hlm. 21-42.

## BAB 2: PERBAHASAN HUKUM

### 1. Hukum Melafazkan Ucapan Selamat

#### i. Perbincangan Ulama

Berdasarkan kajian, keseluruhan perayaan bukan Islam di Malaysia mengandungi unsur-unsur keagamaan, maka hukum mengucapkan selamat sempena perayaan ini termasuk dalam perbincangan tentang hukum mengucapkan selamat kepada perayaan agama bukan Islam. Para ulama terdahulu daripada kalangan empat (4) mazhab sepakat mengharamkan ucapan tersebut.<sup>61</sup> Meskipun begitu, para ulama moden berselisih pandangan dalam hukum ucapan ini kerana mengambil kira konteks zaman yang telah berubah. Punca perselisihan adalah sama ada ucapan selamat tersebut mencerminkan sokongan dan keredaan ke atas kepercayaan keagamaan golongan bukan Islam atau tidak.

Sekumpulan ulama melihat bahawa ucapan selamat mengandungi unsur sokongan dan keredhaan terhadap kepercayaan golongan bukan Islam, justeru ucapan tersebut sangat diharamkan. Antara yang berpandangan sedemikian adalah Wahbah al-Zuhayli, Husam al-Din 'Affanah, Salih bin 'Uthaymin, dan Muhammad bin Saleh al-Munajjid.<sup>62</sup> Pandangan ini pandangan rasmi beberapa badan hukum seperti Jawatan

---

<sup>61</sup> Irwan Subri, "Hukum menyambut perayaan bukan Islam," *International Fatwa and halal center*, siri 10, 2019, Hlm. 4.

<sup>62</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Qadaya al-Fiqh wa al-Fikr al-Mu'asir*, (Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 2006), Hlm. 43. Basri Ibrahim, "Hukum penglibatan Orang Islam dalam perayaan bukan Islam dalam konteks Malaysia," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, jil. 3, 2010, Hlm. 87-90; Irwan Subri, "Hukum menyambut perayaan bukan Islam," Hlm. 12-13.

<sup>63</sup> Lihat <http://e-Smaf.islam.gov.my/e-Smaf/fatwa/fatwa/find/pr/12261>.

kuasa Syariah Negeri Perak yang bersidang pada 11 Mac 2004,<sup>63</sup> Majlis Ulama Indonesia (MUI), dan *Irsyad Hukum* yang dikeluarkan oleh kerajaan Brunei Darussalam.<sup>64</sup>

Sekumpulan ulama yang lain pula berpendapat bahawa ucapan tahniah pada hari perayaan orang bukan Islam sama sekali tidak mencerminkan sokongan kepada kepercayaan agama mereka. Sebaliknya, ucapan ini sekadar penzahiran adab kesopanan dan budi bahasa yang baik (*mujamalah*). Oleh yang demikian, ucapan tersebut diharuskan, terutamanya apabila orang bukan Islam telah menunjukkan sikap yang baik dengan mengucapkan tahniah kepada umat Islam pada hari perayaan mereka. Termasuk dalam kalangan yang berpegang pada pandangan ini ialah Mustafa Zarqa, Yusuf al-Qaradawi, Abdullah bin Bayyah, Ahmad Syarbashi, Abdul Sattar Abdullah Said, Abdul Hayei Syukor, dan Nasir Farid Wasil.<sup>65</sup> Pandangan ini pandangan rasmi beberapa badan agama Islam dunia seperti Dar al-Ifta' al-Misriyyah,<sup>66</sup> European Council for Fatwa and Research,<sup>67</sup> PERGAS (persatuan Guru dan ulama Singapura).<sup>68</sup>

## ii. Rumusan dan Tarjih

Kedua-dua pandangan memiliki sudut pandang dan hujah yang kuat. Namun begitu, pandangan yang mengharuskan dilihat lebih sesuai dengan konteks masyarakat Malaysia yang berbilang

<sup>64</sup> Lihat [http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Agama/NewDisplayForm.aspx?ID=266&ContentTypeId=0x0100\\_F6D57A3EFF61B0428F673FEADAB5CF1E](http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Agama/NewDisplayForm.aspx?ID=266&ContentTypeId=0x0100_F6D57A3EFF61B0428F673FEADAB5CF1E).

<sup>65</sup> Lihat Mohd Rus bin Yunus & Zulfaqar bin Mamat, "Merayakan Hari Kebangsaan Agama Orang Bukan Islam Menurut Perspektif Islam", Hlm. 88; Irwan Subri, "Hukum Menyambut Perayaan Bukan Islam," 10-12. Lihat juga senarai kalangan yang melarang dan mengharuskan ucapan selamat hari krismas yang disediakan oleh Muhammad Haniff Hassan dan Mustazah Bahari dalam <https://wasatonline.files.wordpress.com/2019/01/wasat-25-full.pdf>.

<sup>66</sup> Lihat <http://www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?ID=13237&LangID=1&MuftiType=0> dan <http://www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?ID=13268&LangID=1&MuftiType=0>.

<sup>67</sup> Lihat <https://www.e-cfr.org/sixth-ordinary-session-european-council-fatwa-research/>.

<sup>68</sup> Lihat <http://www.pergas.org.sg/media/MediaStatement/IslamicGuidanceFestival.pdf>.

kaum.<sup>69</sup> Terlebih lagi dalam konteks Pulau Pinang yang mana peratusan umat Islam dengan bukan Islam tidak membentuk majoriti penduduk (44.94%). Umat Islam dituntut agar menampilkan agama Islam yang mesra kepada semua orang untuk menarik hati orang bukan Islam kepada Islam. Bagaimanapun, untuk meraikan pandangan yang melarang, keharusan ini mesti ditetapkan dengan syarat ucapan tersebut tidak mengandungi kata-kata yang menyatakan ataupun mengisytiharkan keredaan atas kepercayaan agama mereka.

Dalil bagi perkara ini adalah sebagaimana berikut:

- a) Pelbagai ayat al-Quran membenarkan orang Islam mengamalkan pergaulan baik dengan bukan Islam. Firman Allah ﷻ :

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ  
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

**Maksudnya:** Allah tidak melarang kamu untuk berbuat kebaikan dan keadilan kepada kalangan yang tidak memerangi agamamu dan tidak mengeluarkanmu dari negerimu. Sesungguhnya Allah mencintai kalangan yang berlaku adil.  
(Al-Mumtahanah : 8)

Berdasarkan ayat ini, hukum asal bermuamalah dengan bukan Islam yang tidak memerangi Islam adalah harus. Asas perhubungan tersebut adalah akhlak mulia yang tercermin dalam sikap kebaikan (*al-bir*) dan keadilan (*al-qist*).

<sup>69</sup> Basri Ibrahim, "Hukum penglibatan Orang Islam dalam perayaan bukan Islam dalam konteks Malaysia," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, jil. 3, 2010, Hlm. 87-90; Irwan Subri, "Hukum menyambut perayaan bukan Islam," Hlm. 12-13.

- b) Al-Quran turut menyuruh untuk membalas ucapan baik yang ditujukan kepada kita dengan ucapan baik yang sama atau lebih baik daripadanya.

Allah ﷻ berfirman:

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٥١﴾

**Maksudnya:** *Apabila diucapkan penghormatan ke atas-Mu, maka ucapkanlah penghormatan dengan yang lebih baik atau setimpal dengannya. Sesungguhnya Allah maha mengira segala sesuatu.*

(Al-Nisa : 86)

- c) Pelbagai hadis menerangkan keharusan bermuamalah dengan baik kepada bukan Islam. Antaranya:

عن أسماء بنت أبي بكر رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ أَتَنِي أَبِي رَاغِبَةً فِي عَهْدِ النَّبِيِّ ﷺ فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ ﷺ أَصِلُهَا قَالَ نَعَمْ قَالَ ابْنُ عُيَيْنَةَ: فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَىٰ فِيهَا {لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ}

**Maksudnya:** *Daripada Asma binti Abu Bakar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا beliau berkata: "Ibu saya (masa itu masih kafir) datang pada zaman Nabi ﷺ. Aku lalu bertanya kepada Nabi ﷺ: Bolehkah aku menyambung silaturahmi dengannya? Baginda ﷺ menjawab: Ya." Sufyan bin 'Uyaynah (perawi) berkata: "Allah lalu menurunkan firman-Nya: Allah tidak melarang kamu untuk berbuat kebaikan dan keadilan kepada kalangan yang tidak memerangi agamamu dan tidak mengeluarkanmu dari negerimu."*

(Riwayat Bukhari)

Sunnah turut menggalakkan mengucapkan kata-kata lembut kepada orang bukan Islam dan melarang menunjukkan sikap kasar kepada mereka. Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada ‘Aishah: “Suatu hari seorang yahudi mengucapkan: *al-Samu’alaykum* (kebinasaan semoga menimpamu). Rasulullah menjawab: Juga ke atas-Mu. ‘Aishah berkata: Kebinasaan, laknat dan kemurkaan Allah semoga menimpamu. Rasulullah menegur ‘Aishah: Tenangkan dirimu wahai ‘Aishah. Jagalah kelembutan. Jauhilah kekasaran dan kekejian. ‘Aishah berkata: Tidakkah baginda mendengar apa yang dia katakan? Rasulullah menjawab: Tidakkah kamu mendengar juga apa yang aku katakan? Aku membalas ucapan mereka. Ucapanku akan dikabulkan, namun ucapan mereka tidak dikabulkan.”

- d) Melafazkan ucapan selamat dan tahniah kepada orang bukan Islam sempena peristiwa-peristiwa yang menggembirakan adalah harus dan salah satu bentuk pergaulan baik. Ucapan ini dapat menyuburkan kasih sayang dan merapatkan hubungan sesama manusia. Termasuk dalam perkara ini ialah ucapan selamat kepada orang bukan Islam sempena perkahwinan, kelahiran anak, kesembuhan daripada sakit, kenaikan pangkat, kelulusan peperiksaan, dan yang serupa dengannya. Dengan syarat ucapan tersebut tidak menggunakan kata-kata yang mengandungi makna keredaan dengan agama mereka.<sup>70</sup> Berdasarkan perkara ini, ucapan selamat yang sekadar menzahirkan kegembiraan dan tidak mengandungi sokongan ke atas kepercayaan agama mereka adalah diharuskan.

---

<sup>70</sup> Al-Zuhayli, Wahbah. 2006. *Al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asarah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Bagaimanapun, untuk meraikan perbezaan pendapat dalam perkara ini, masyarakat perlu mematuhi beberapa garis panduan yang menghadkan perkara ini. Antaranya, ucapan itu tidak mengandungi syiar atau ungkapan keagamaan yang bertentangan dengan prinsip ajaran Islam.

## 2. Hukum Menziarahi Majlis Perayaan Bukan Islam

### i. Perbincangan Ulama

Hukum berziarah ke rumah terbuka orang bukan Islam sempena perayaan agama mereka telah menjadi perbincangan ulama terdahulu dan moden.

Ulama terdahulu, seperti Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim dan al-Suyuti, mengharamkan orang Islam menghadiri majlis perayaan orang-orang bukan Islam kerana perayaan tersebut berkaitan dengan unsur kepercayaan dan keagamaan mereka. Ketetapan ini selari dengan pandangan mereka yang mengharamkan ucapan tahniah dalam perayaan orang bukan Islam. Sesetengah ulama kontemporari turut berpandangan sedemikian, antaranya ialah Ibn ‘Uthaymin.<sup>71</sup>

Sesetengah ulama kontemporari yang lain mengharuskan amalan tersebut dengan syarat tidak mengandungi perkara-perkara yang bertentangan dengan akidah Islam. Al-Zuhayli berkata: “Adapun adat budi bahasa (*mujamalah*) yang sering dilakukan pada hari ini seperti saling tukar menukar kad raya dan saling berziarah, maka tiada halangan menurut pandangan saya selagi mana tidak bertembung dengan prinsip di atas,

---

<sup>71</sup> Basri Ibrahim, “Hukum penglibatan Orang Islam dalam perayaan bukan Islam dalam konteks Malaysia,” Hlm.

seperti mana mengucapkan tahniah atas keselamatan peribadi, atau mengharapkan kebaikan untuk orang lain.”<sup>72</sup>

ii. Rumusan dan Tarjih

Pengkaji berpandangan bahawa pandangan yang mengharuskan adalah lebih sesuai dengan konteks masyarakat Malaysia. Pandangan ini merujuk kepada dalil-dalil berikut:

- a) Hukum asal bertamu dan berziarah ke rumah orang bukan Islam turut adalah harus. Lebih-lebih lagi apabila orang tersebut masih memiliki hubungan kekeluargaan dengan orang Islam seperti ibu/ayah dan adik-beradik, atau hubungan persahabatan dan kejiiran. Allah ﷻ berfirman:

وَإِنْ جَاهِدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا  
مَعْرُوفًا وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

**Maksudnya:** (dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau-dengan fikiran sihatmu-tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat pada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.)

(Luqman : 15)

<sup>72</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Qadaya al-Fiqh wa al-Fikr al-Mu'asir*, Hlm. 43.

Ibn Kathir mentafsirkan ayat tersebut dengan pandangan berikut iaitu:

**Maksudnya:** *Sekiranya kedua-dua ibu bapa berusaha dengan kuat agar engkau mengikuti agama mereka, maka janganlah patuhi mereka. Namun begitu, janganlah sikap mereka menghalangi kamu daripada bergaul dengan baik dengan mereka.*<sup>73</sup>

- b) Pelbagai hadis turut menggalakkan untuk menjaga hubungan baik dengan jiran tetangga walaupun berbeza agama. Salah satunya:

عن عمرو بن شعيب عن أبيه قال: دُيِّحَتْ شاة لابن عمرو في أهله، فقال: أهديتم لجاننا اليهودي؟ قالوا: لا، قال: ابعثوا إليه منها، فإني سمعتُ رسولَ الله -ﷺ- يقول: ما زال جبريل يوصيني بالجار، حتى ظننت أنه سيورّثه.

**Maksudnya:** *Daripada ‘Amr bin Shu‘ayb daripada ayahnya: Seekor kambing disembelih dalam keluarga ‘Abdullah bin ‘Amr. Beliau lalu berkata: Adakah kamu menghadihkan sebahagiannya kepada jiran Yahudi kita? Mereka menjawab: Tidak. Beliau berkata: Utuslah sebahagian daripadanya. Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda : Jibril sentiasa berpesan kepadaku untuk menjaga tetangga sehingga aku menyangka bahawa ia akan menetapkan warisan baginya.*

(Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi)

<sup>73</sup> Isma'il bin 'Umar bin Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, (Riyad: Dar al-Taybah, 1999), Jld. 6, Hlm.337.

*Apabila mensyarahkan hadis ini, Ibn Ruslan al-Maqdisi berkata:*

وفيه دلالة على أن الصحابة رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ كانوا يأخذون بعموم الألفاظ، كما أخذ عبد الله ابن عمرو رضي الله عنه بعموم (ال) التي لاستغراق الجنس في قوله: (فإني سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: ما زال جبريل يوصيني بالجار) فأدخل في عموم الجار كل من كان مجاوراً له من مسلم ذكر أو امرأة، كافرٍ ذمى أو غيره ممن هو معصوم الدم.

**Maksudnya:** Hadis ini mengandungi dalil bahawa para sahabat رضي الله عنهم sering mengambil hukum mengikut lafaz umum, sebagaimana ‘Abdullah bin ‘Amr رضي الله عنه mengambil makna umum yang terkandung dalam alif lam yang mencakupi keseluruhan jenis dalam sabda Nabi صلى الله عليه وسلم : Jibril sentiasa berpesan kepadaku untuk menjaga tetangga (al-jar). Beliau memasukkan dalam lafaz umum al-jar (jiran) semua orang yang tinggal berhampiran dengan muslim sama ada laki-laki ataupun perempuan, kafir dhimmi ataupun lain-lain selagi mana terjaga darahnya (tidak wajib diperangi).<sup>74</sup>

- c) Kaedah fiqh yang mengatakan bahawa “hukum sesuatu perkara beredar mengikut *‘illah*-nya ( العلة يدور مع العلة وجودا وعدما )” dan “uruf sesuatu tempat turut diambil kira ( العادة محكمة )”. Dalam konteks masyarakat Malaysia di Pulau Pinang, penganjuran rumah terbuka lebih berbentuk kepada amalan tradisi masyarakat berbilang agama dan bukan lagi menjadi amalan agama golongan bukan Islam. Dalam kata lain, ia bukan lagi menjadi syiar agama mereka. Kedudukannya sama dengan tindakan pemerintah Islam yang memberikan cuti umum

<sup>74</sup> Ahmad bin Husayn Ibn Ruslan al-Maqdisi, *Sharh Sunan Abi Dawud* (Mesir: Dar al-Falah, 2016), Jld.19, Hlm. 438.

sempena perayaan bukan Islam, meluluskan tanah untuk perkuburan orang bukan Islam dan seumpamanya. Ianya tidak boleh ditafsirkan sebagai memulia dan menyokong usaha menzahirkan agama rakyat bukan Islam, sebaliknya lebih kepada toleransi yang perlu dilakukan pemerintah Islam terhadap mereka.<sup>75</sup>

Bagaimanapun, beberapa garis panduan perlu ditetapkan berkaitan keharusan menghadiri rumah terbuka perayaan bukan Islam. Panduan ini sebagai mengelakkan kemungkinan-kemungkinan yang boleh mencemarkan akidah umat Islam. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengeluarkan beberapa kriteria utama yang perlu dijadikan garis panduan oleh warga negara beragama Islam supaya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kriteria tersebut adalah:

1. Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam seperti menyertakan simbol-simbol agama, berhala dan sebagainya.
2. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak seperti memakai pakaian berwarna tertentu dengan kepercayaan tertentu yang melambangkan kepercayaan terhadap agama tertentu selain Islam.
3. Majlis tersebut tidak disertakan dengan "perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam" di negara ini seperti percampuran bebas tanpa batas dan adab sopan.

---

<sup>75</sup> Basri Ibrahim, "Hukum Penglibatan Orang Islam dalam Perayaan Bukan Islam dalam Konteks Malaysia," Hlm. 85.

4. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh "menyentuh sensitiviti masyarakat Islam" seperti ucapan-ucapan atau nyanyian berbentuk dakwah keagamaan bukan Islam dan ucapan-ucapan yang menghina umat Islam.<sup>76</sup>

### 3. Hukum Turut Serta dalam Persiapan Sambutan Perayaan Bukan Islam

Maksud persiapan sambutan perayaan di sini ialah perkara-perkara yang dilakukan untuk mempersiapkan sambutan perayaan orang bukan Islam. Perkara ini meliputi penyediaan katering, pengadaan kanopi, percetakan kad ucapan dan sebagainya.

Secara amnya, hukum penglibatan orang Islam dalam perkara ini menyamai hukum ikut serta dalam sambutan perayaan itu sendiri. Apabila orang Islam dilarang menyertai perayaan orang bukan Islam yang bersifat keagamaan, maka dia turut dilarang daripada ikut serta dalam persiapan perayaan tersebut. Sebaliknya, apabila dia dibenarkan untuk menyertai majlis perayaan orang Islam yang bersifat tradisi, maka dibenarkan baginya untuk menyertai dalam persiapannya.

Asas perkara ini adalah firman Allah ﷻ :

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ...

**Maksudnya:** ...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, janganlah pula kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah)...

(Al-Maidah : 2)

---

<sup>76</sup> Basri Ibrahim, "Hukum Penglibatan Orang Islam dalam Perayaan Bukan Islam dalam Konteks Malaysia," Hlm. 91; Mohd Rus bin Yunus & Zulfaqar bin Mamat, "Merayakan Hari Kebangsaan Agama Orang Bukan Islam Menurut Perspektif Islam", Hlm. 90.

Berhubung hal ini juga kebanyakan ulama salaf dalam mentafsirkan ayat yang menyentuh mengenai sifat-sifat seorang hamba *al-Rahman* (*'ibad al-rahman*) iaitu:

وَالَّذِينَ لَا يَشْهَدُونَ الزُّورَ ...

**Maksudnya:** Dan mereka (yang diredai Allah itu ialah orang-orang) yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang...

(Al-Furqan : 72)

Tempat-tempat melakukan larangan Allah (*al-Zur*) dalam ayat di atas ditafsirkan oleh para ulama seperti Thawus, Muhammad Ibn Sirin, al-Dhahhak dan al-Rabi' bin Anas sebagai perayaan orang bukan Islam.<sup>77</sup>

Dalam persoalan ini Ibnu Taimiyah menyatakan bahawa jika Allah ﷻ memuji tindakan orang yang tidak menghadiri, melihat dan mendengar majlis-majlis perayaan orang bukan Islam, maka terlibat secara langsung dengan upacara tersebut,<sup>78</sup> dalam konteks perbahasan ini iaitu menyertai persiapannya, harus difahami sebagai satu (1) kesalahan dan perlu dijauhi oleh Muslim.

Beberapa keterangan daripada Sunnah turut menyokong perkara ini. Salah satunya ialah sabda Nabi ﷺ :

عَنْ أَنَسٍ، قَالَ قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمَدِينَةَ وَلَهُمْ يَوْمَانِ يَلْعَبُونَ فِيهِمَا فَقَالَ "مَا هَذَانِ الْيَوْمَانِ. قَالُوا كُنَّا نَلْعَبُ فِيهِمَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ " إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَبْدَلَكُمْ بِهِمَا خَيْرًا مِنْهُمَا يَوْمَ الْأَضْحَى وَيَوْمَ الْفِطْرِ

<sup>77</sup> Ibn Kathir *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, (Riyadh: Dar al-Taiyyibah, 1999), 6:130.

<sup>78</sup> Ibn Taymiyyah, *Iqtida' al-Sirat al-Mustaqim*, Nasir bin `Abd al-Karim (tahqiq), (Riyad : Maktabah al-Rusyd, t.t.) 1:479.

**Maksudnya:** Diriwayatkan dari Anas bin Malik: *Apabila Rasulullah ﷺ datang ke Madinah, mereka mempunyai dua hari di mana mereka terlibat dalam permainan. Dia bertanya: “Apakah dua hari ini (apa gunanya)? Mereka berkata: Kami pernah terlibat dalam mereka dalam tempoh pra-Islam. Rasulullah ﷺ bersabda: Allah telah menggantikan mereka sesuatu yang lebih baik daripada mereka, hari pengorbanan dan hari puasa.*

Menurut Ibn Taimiyah, dengan memberikan alternatif kepada masyarakat Madinah untuk menyambut perayaan Aidilfitri dan ‘Aidiladha, ini menunjukkan Syarak bertujuan untuk menghalang orang Islam untuk terlibat dalam perayaan orang bukan Islam.<sup>79</sup>

مَنْ مَشَى مَعَ ظَالِمٍ لِيُعِينَهُ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ ظَالِمٌ فَقَدْ خَرَجَ مِنَ الْإِسْلَامِ

**Maksudnya:** *Siapa yang berjalan bersama orang zalim untuk membantunya, padahal dia mengetahui bahawa orang itu zalim, maka ia telah keluar daripada Islam.”*

(Riwayat Al-Tabarani dalam *al-Mu'jam al-Kabir* 1:277 no 619.  
Dalam sanadnya terdapat beberapa perawi lemah)

Persoalan hukum ini turut relevan dengan kaedah fiqh yang menetapkan bahawa:

الوسائل لها أحكام المقاصد

**Maksudnya:** *Wasilah memiliki hukum yang sama dengan matlamatnya.*

Oleh itu, berdasarkan kaedah ini maka hukum terlibat dalam persiapan perayaan orang bukan Islam mengambil hukum tindakan

---

<sup>79</sup> *Ibid.*, 1: 488.

merayakan perayaan tersebut iaitu haram kerana persiapan merupakan wasilah kepada perayaan berkenaan.

i. Pandangan Ulama Terdahulu

Perbincangan ulama terdahulu secara amnya selari dengan keterangan di atas. Mereka mengharamkan aktiviti jual beli ataupun sewa yang membantu persiapan perayaan orang bukan Islam.

Dalam perkara ini, terdapat dua riwayat yang bertentangan daripada Imam Malik. Dalam kitab *al-Mudawwanah*, beliau diriwayatkan berkata: *“Seorang muslim tidak boleh menyewakan kenderaannya kepada kafir zimmi padahal beliau mengetahui bahawa orang itu hanya akan menggunakannya untuk menghadiri perayaan mereka atau untuk pergi ke gereja. Atau menjual seekor kambing yang diketahui akan disembelih untuk itu.”* Namun dalam riwayat Ibn al-Qasim, apabila Imam Malik ditanya berkenaan hukum orang Islam yang membawakan pakaian dan barang-barang keperluan untuk dijual dalam perayaan gereja, beliau menjawab: *“Tidak mengapa.”*<sup>80</sup>

Tidak dijumpai pandangan Imam Syafie dalam perkara ini secara spesifik. Akan tetapi, ucapan beliau dalam perbincangan wasiat menunjukkan pandangan yang serupa dengan pendirian Imam Malik. Beliau berkata:

وَلَيْسَ فِي بُنْيَانِ الْكَنِيسَةِ مَعْصِيَةٌ إِلَّا أَنْ تُتَّخَذَ لِمُصَلَّى النَّصَارَى الَّذِينَ اجْتَمَعُوا فِيهَا عَلَى الشِّرْكِ وَأَكْرَهُ لِلْمُسْلِمِ أَنْ يَعْمَلَ بِنَاءً أَوْ نِجَارَةً أَوْ غَيْرَهُ فِي كَنَائِسِهِمُ الَّتِي لَصَلَوَاتِهِمْ

<sup>80</sup> Muhammad bin Yusuf Ibn al-Mawwaq Al-Gharnati, *Al-Taj wa al-Iklil fi Mukhtasar Khalil*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1994), 7:540.

**Maksudnya:** Membangun gereja bukan suatu maksiat, melainkan apabila bangunan itu dijadikan untuk tempat peribadatan orang Kristian yang berhimpun untuk melakukan syirik. Aku memakruhkan ke atas seorang muslim untuk bekerja dalam pembangunan, pertukangan dan lain-lain bagi gereja yang digunakan untuk peribadatan mereka.<sup>81</sup>

Ucapan ini jelas membezakan antara muamalat yang berkaitan dengan unsur keagamaan dan yang tidak berkaitan dengannya. Perkara yang pertama dilarang, sedangkan perkara yang kedua dibenarkan. Istilah makruh dalam ucapan Imam Syafie di atas berkemungkinan besar bermakna haram.<sup>82</sup>

Perbezaan riwayat daripada Malik ini membuat Ibn Rushd menetapkan bahawa perkara ini adalah makruh tidak haram.<sup>83</sup> Ibn al-Haj al-Maliki bagaimanapun berpandangan bahawa mazhab Maliki menghukum haram seorang muslim menjual kepada orang Kristian barang-barang keperluan perayaan mereka, sama ada daging, lauk ataupun pakaian, termasuk menyewakan kenderaan. Itu kerana yang demikian adalah bantuan ke atas kekufuran mereka. Beliau turut mengatakan bahawa penguasa Islam wajib melarang orang Islam daripada perkara ini.<sup>84</sup>

---

<sup>81</sup> Muhammad bin Idris al-Shafii, *Kitab al-Umm* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1990), 4:226.

<sup>82</sup> Tafsiran istilah makruh yang digunakan al-Shafii dengan haram pernah dilakukan oleh al-Nawawi dalam *Majmu' Sharh al-Muhaddhab*, (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 2001), 1:244. Menurut Ibn Qayyim, istilah makruh dalam penggunaan ulama terdahulu seringkali bermakna haram. Lihat *Ibn al-Qayyim, I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, (Kaherah: Dar al-Hadis, 1993), 1:45.

<sup>83</sup> Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad Ibn Rushd, *al-Bayan wa al-Tahsil wa al-Sharh wa al-Tawjih wa al-Ta'il li al-Masa'il al-Mustakhrajah*, (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1998), 3: 276.

<sup>84</sup> Muhammad bin Muhammad Ibn al-Haj al-Fasi, *al-Madkhal*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 2:47.

Dalam mazhab Hanbali, Imam al-Futuhi menetapkan haram mengucapkan tahniah dan menghadiri sambutan perayaan orang bukan Islam (*ahli dhimmah*), namun begitu tidak haram berjual beli dengan mereka pada hari tersebut.<sup>85</sup> Walau bagaimanapun menurut al-Khalwati, barangan yang dijual tersebut mestilah bukan benda-benda yang digunakan untuk meminum arak atau peneman arak.<sup>86</sup> Bagaimanapun, Ibn Taymiyyah menetapkan bahawa mazhab Ahmad adalah tidak membenarkan menjual barang-barang untuk kegunaan perayaan mereka.<sup>87</sup> Sebuah riwayat daripada Ahmad menetapkan bahawa membantu mereka dalam perkara-perkara yang tidak bersifat khas keagamaan adalah dibenarkan. Ibn al-Muflih meriwayatkan daripada Muhammad bin al-Hakam yang bertanya kepada Imam Ahmad berkenaan seorang muslim yang diupah untuk menggali kubur bagi orang bukan Islam. Imam Ahmad menjawab: “*Tidak mengapa.*”<sup>88</sup>

## ii. Pandangan ulama moden

Memandang kepada keadaan semasa umat Islam, terutamanya kumpulan minoriti muslim di Barat, beberapa ulama moden berpandangan harus bagi orang Islam ikut serta dalam persiapan menyambut perayaan bukan Islam dengan syarat penyertaan tersebut terhad pada penzahiran interaksi sosial yang tidak berkaitan dengan akidah. Ini termasuk Majlis Fatwa Eropah, Sheikh Rashid Ridha, Dr. Abd al-Sattar Fath Allah, Syeikh Ahmad Sharbasyi dan Shaikh Abdullah ibn Bayyah.<sup>89</sup>

<sup>85</sup> Muhammad bin Ahmad Ibn al-Najjar al-Futuhi, *Muntaha al-Iradat*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1999), Jld. 2, Hlm. 244.

<sup>86</sup> Muhammad bin Ahmad al-Khalwati, *Hashiyah al-Khalwati 'ala Muntaha al-Iradat* (Damsyik: Dar al-Nawadir, 2011), Jld.2, Hlm. 533.

<sup>87</sup> Ibn Muflih, *al-Adab al-Shar'iyyah*, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1999), Jld.3, Hlm. 253.

<sup>88</sup> *Ibid.*

<sup>89</sup> تهنئة النصارى بأعياد الميلاد .. قراءة في الفتاوى terdapat di atas talian <https://archive.islamonline.net/?p=6481>

Menurut Syeikh Mustafa Zarqa', apabila ditanya tentang hukum mengucapkan tahniah kepada orang bukan Islam dalam perayaan Krismas dan sambutan tahun baru, serta mencetak dan menjual kad ucapan perayaan bukan Islam, pakar fiqh Jordan ini menjelaskan memfatwakan harus. Beliau turut menyalahkan pandangan yang mengharamkan kerana ianya berkaitan dengan akidah.

Beliau berkata: *Siapa yang menyangka bahawa mengucapkan selamat raya (mu'ayadah) kepada mereka pada hari kelahiran Isa haram, sebab ia berkaitan dengan keyakinan mereka akan ketuhanan baginda, maka ia telah tersilap. Ucapan tahniah ini tidak berkaitan sama sekali dengan perincian akidah melampau mereka.*<sup>90</sup>

Seterusnya, beliau menetapkan bahawa mencetak dan menjual kad ucapan perayaan Krismas dan tahun baru adalah harus. Beliau berkata: *Setelah kita mengetahui hukum syarak berkenaan ucapan tahniah, maka diketahui hukum mencetak dan menjual kad ucapan tersebut. Setiap perkara yang mencari wasilah kepada perkara yang harus maka hukumnya adalah harus.*<sup>91</sup>

Bagaimanapun, Syeikh Zarqa' mengingatkan perbezaan antara mengucapkan tahniah dengan merayakan. Meskipun ucapan tahniah dibenarkan, akan tetapi menyambut dan merayakan tahun baru yang mengandungi aktiviti haram dan kemungkaran adalah tindakan meniru tradisi munkar yang diharamkan.<sup>92</sup>

---

<sup>91</sup> Majd Makki, Fatawa Mustafa al-Zarqa, (Damsyik: Dar al-Qalam, 2004), Hlm. 357.

<sup>91</sup> *Ibid.*

<sup>92</sup> *Ibid.*

Secara kesimpulannya menyertai persiapan perayaan orang bukan Islam yang berkaitan dengan agama mereka adalah diharamkan di sisi syarak dan pandangan para ulama mazhab. Namun membantu mereka dalam perayaan kebudayaan memerlukan pemerhatian yang lebih terperinci. Ini kerana seseorang Muslim perlu mengenal pasti sejauh mana perayaan kebudayaan itu mempunyai unsur-unsur kepercayaan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Jika unsur-unsur kepercayaan tersebut mendominasi maka seharusnya orang Islam menjauhi tindakan membantu dan menjayakan persiapan perayaan tersebut. Namun jika perayaan tersebut adalah semata-mata berbentuk kebudayaan maka penyertaan orang bukan Islam tersebut tidak menjadi masalah.

#### 4. Hukum Menjual Barang Kelengkapan Perayaan Bukan Islam

##### i. Perbincangan Ulama

Urusniaga yang berlaku antara orang Islam dan orang bukan Islam dalam bentuk jual beli, sewa menyewa dan lain sebagainya mengikut hukum asalnya adalah harus. Rasulullah sering terlibat dalam urusan niaga dengan kalangan Yahudi dan Musyrik. Namun begitu, apabila urusan niaga tersebut berkaitan dengan sambutan perayaan keagamaan orang bukan Islam, maka para ulama berbeza pandangan dalam keharusan perkara tersebut. Punca perselisihan adalah sama ada aktiviti tersebut dikira sebagai membantu kemaksiatan atau tidak? Berkenaan perkara ini, terdapat dua pandangan.

Pandangan pertama melihat bahawa aktiviti jual beli tersebut membantu dalam kemaksiatan, justeru mereka mengharamkan semua urusan niaga yang berkaitan dengan perayaan bukan Islam. Pandangan ini adalah ketetapan kebanyakan ulama terdahulu. Dalam mazhab Maliki, terdapat dua riwayat daripada Imam Malik berkenaan perkara ini. Dalam kitab *al-Mudawwanah*, beliau diriwayatkan berkata: “Seorang muslim tidak boleh menyewakan kenderaannya kepada kafir zimmi padahal beliau mengetahui bahawa orang itu hanya akan menggunakannya untuk menghadiri perayaan mereka atau untuk pergi ke gereja. Atau menjual seekor kambing yang diketahui akan disembelih untuk itu.” Namun dalam riwayat Ibn al-Qasim, apabila Imam Malik ditanya berkenaan hukum orang Islam yang membawakan pakaian dan barang-barang keperluan untuk dijual dalam perayaan gereja, beliau menjawab: “Tidak mengapa.”<sup>93</sup>

---

<sup>93</sup> Muhammad bin Yusuf Ibn al-Mawwaq Al-Gharnati, *Al-Taj wa al-Iklil fi Mukhtasar Khalil*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1994), 7:540.

Perbezaan riwayat daripada Malik ini membuat Ibn Rushd menetapkan bahawa perkara ini adalah makruh tidak haram. Beliau turut menguatkan dengan mengatakan bahawa hukum asal berjual beli dan berniaga dengan orang bukan Islam adalah harus.<sup>94</sup> Ibn al-Haj al-Fasi bagaimanapun menegaskan bahawa mazhab Malik menghukumkan haram bagi seorang muslim menjual barang-barang perayaan kepada orang Kristian termasuk daging, lauk pauk ataupun pakaian. Termasuk dalam perkara yang diharamkan adalah menyewakan kenderaan untuk mereka gunakan pergi ke perayaan tersebut. Itu kerana semua ini adalah bantuan ke atas kekufuran mereka. Beliau turut mengatakan bahawa penguasa Islam wajib melarang orang Islam daripada melakukan perkara ini.<sup>95</sup>

Pengkaji tidak menjumpai pandangan spesifik Imam Syafie dalam perkara ini. Akan tetapi, ucapan beliau dalam perbahasan wasiat menunjukkan pandangan yang hampir serupa dengan pendirian Imam Malik. Menurutnya:

وَلَيْسَ فِي بُنْيَانِ الْكَنِيسَةِ مَعْصِيَةٌ إِلَّا أَنْ تُتَّخَذَ لِمُصَلَّى النَّصَارَى الَّذِينَ اجْتَمَعُوهُمْ فِيهَا عَلَى الشِّرْكِ وَأَكْرَهُ لِلْمُسْلِمِ أَنْ يَعْمَلَ بِنَاءً أَوْ نِجَارَةً أَوْ غَيْرَهُ فِي كِتَابِيهِمْ الَّتِي لِيَصَلُّوا فِيهَا

**Maksudnya:** *Membangun gereja bukan suatu maksiat, melainkan apabila bangunan itu dijadikan tempat peribadatan orang Kristian yang berhimpun untuk melakukan syirik. Aku memakruhkan ke atas seorang muslim untuk bekerja dalam pembangunan, pertukangan dan lain-lain bagi gereja yang digunakan untuk peribadatan mereka.*<sup>96</sup>


<sup>94</sup> Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad Ibn Rushd, *al-Bayan wa al-Tahsil wa al-Sharh wa al-Tawjih wa al-Ta'li' li al-Masa'il al-Mustakhrajah*, (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, 1998), 3: 276.

<sup>95</sup> Muhammad bin Muhammad Ibn al-Haj al-Fasi, *al-Madkhal*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 2:47.

<sup>96</sup> Muhammad bin Idris al-Shafii. *Kitab al-Umm* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1990), 4:226.

Berdasarkan ucapan Imam Syafie ini, ternyata bahawa beliau membezakan antara muamalat yang berkaitan dengan unsur keagamaan dan yang tidak berkaitan dengannya. Perkara yang pertama dilarang kerana membantu dalam kemaksiatan, sedangkan perkara yang kedua dibenarkan kerana tidak berkaitan dengan membantu kemaksiatan.

Imam al-Nawawi dalam kitabnya *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab* membincangkan mengenai *bay al-gharar* dan menerangkan hal ini:

**Maksudnya:** Berkata Syafie  dalam *al-Mukhtasar*: Aku membenci tindakan menjual anggur (perahan yang dibuat arak) kepada orang yang memerah untuk arak, dan menjual pedang kepada sesiapa yang akan bermaksiat kepada Allah dengan pedang itu, (namun) aku tidak membatalkan akad jualan itu. Berkata para ashab kami (Shafi'iyah) bahawa dimakruhkan untuk menjual perahan kepada orang yang dikenali mengambilnya untuk membuat khamar, tamar kepada orang yang dikenali mengambilnya untuk membuat nabiz, senjata kepada orang yang dikenali mengambilnya untuk melakukan maksiat dengan senjata itu. Namun sekiranya sudah dipastikan tujuan pengambilan itu bagi tujuan khamar, nabiz, dan maksiat dengan senjata itu, maka pada pengharamannya ada dua pendapat; seperti yang dinyatakan oleh Ibn al-Sobbagh, al-Mutawalli, al-Baghawi dalam *Syarh al-Mukhtasar*, al-Ruyani dan lain-lain.

- **Pendapat pertama:** al-Ruyani dan al-Mutawalli *menaqalkan* daripada majoriti *ashab* bahawa hukumnya adalah **makruh yang bersangatan** tetapi tidak haram.
- **Pendapat kedua yang paling sahih: Haram**, dan inilah pegangan yang *qat'ie* (diputuskan/ditegaskan) oleh al-Syeikh Abu Hamid dan al-Ghazzali dalam *al-Ihya'* dan selain mereka daripada kalangan *ashab* <sup>97</sup>

Maka dalam isu menjual barang-barangan untuk orang kafir menyambut perayaan mereka, hukum *bay al-gharar* seperti mana yang dibahaskan di atas dapat dipakai. Oleh itu, walaupun kontrak jual beli tersebut sah menurut pendapat ini, namun hakikatnya ia adalah perbuatan yang diharamkan menurut al-Ghazali ataupun makruh yang bersangatan menurut pendapat kedua dalam mazhab Syafie.

Dalam mazhab Hanbali, Ibn Najjar al-Futuhi menetapkan haram mengucapkan tahniah dan menghadiri sambutan perayaan orang bukan Islam (*ahl dhimmah*), namun begitu tidak haram berjual beli dengan mereka pada hari tersebut.<sup>98</sup> Menurut al-Khalwati, barangan yang dijual tersebut mestilah bukan benda-benda yang digunakan untuk meminum arak atau peneman arak.<sup>99</sup> Bagaimanapun, Ibn Taymiyyah menetapkan bahawa mazhab Ahmad adalah tidak membenarkan menjual barang-barang untuk kegunaan perayaan mereka.<sup>100</sup> Sebuah riwayat daripada Ahmad menetapkan bahawa membantu mereka dalam

<sup>97</sup> Muhy al-Din al-Nawawi, *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2016) 10:383.

<sup>98</sup> Muhammad bin Ahmad Ibn al-Najjar al-Futuhi, *Muntaha al-Iradat*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1999), 2:244.

<sup>99</sup> Muhammad bin Ahmad al-Khalwati, *Hashiyah al-Khalwati 'ala Muntaha al-Iradat* (Damsyik: Dar al-Nawadir, 2011), 2:533.

<sup>100</sup> Ibn Muflih, *al-Adab al-Shar'iyyah*, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1999), 3:253.

perkara-perkara yang tidak bersifat khas keagamaan adalah dibenarkan. Ibn al-Muflih meriwayatkan daripada Muhammad bin al-Hakam yang bertanya kepada Imam Ahmad berkenaan seorang muslim yang diupah untuk menggali kubur bagi orang bukan Islam. Imam Ahmad menjawab: “Tidak mengapa.”<sup>101</sup>

Pandangan kedua mengharuskan jual beli tersebut memandangkan kondisi semasa perhubungan antara umat Islam dan bukan Islam yang telah berubah. Mereka mengharuskan penglibatan orang Islam dalam persiapan sambutan perayaan, terutamanya bagi kumpulan minoriti muslim yang hidup di negara-negara Barat. Salah seorang ulama itu adalah Mustafa Zarqa yang mengharuskan mencetak dan menjual kad ucapan perayaan Krismas dan tahun baru. Beliau berkata: “Setelah kita mengetahui hukum syarak berkenaan ucapan tahniah, maka diketahui hukum mencetak dan menjual kad ucapan tersebut. Setiap perkara yang menjadi wasilah kepada perkara yang harus maka hukumnya adalah harus.”<sup>102</sup>

ii. Rumusan dan Tarjih

Selari dengan pandangan yang mengharuskan ucapan selamat dan menghadiri rumah terbuka orang bukan Islam, pada asalnya penyelidik berpandangan harus menjual barangan yang khas digunakan orang bukan Islam dalam perayaan agama mereka. Namun begitu, pengkaji berpendapat bahawa seorang peniaga muslim sedapat mungkin menghindari perkara ini kerana tiada keperluan mendesak untuk menjual barang-barang tersebut. Berbeza dengan ucapan tahniah dan menghadiri rumah terbuka

---

<sup>101</sup> *Ibid.*

<sup>102</sup> Majd Makki, *Fatawa Mustafa al-Zarqa*, (Damsyik: Dar al-Qalam, 2004), Hlm. 357.

perayaan bukan Islam, menjual atau tidak menjual keperluan perayaan tidak menjadi kayu ukur dalam hubungan masyarakat Islam dan bukan Islam.

Dalam berhadapan dengan realiti masyarakat majmuk di Malaysia dan Pulau Pinang secara khususnya, isu ini perlu diteliti dengan mendalam. Jika barang-barang yang dijualbeli itu merupakan barang yang diharuskan seperti makanan dan pakaian yang biasa, serta bukan khusus untuk perayaan orang bukan Islam maka adalah harus orang Islam menjualnya. Namun, seperti yang dinyatakan di dalam laman rasmi Mufti Wilayah Persekutuan, seharusnya orang bukan Islam memaklumkan kepada peniaga Muslim bahawa barang yang mereka beli itu akan digunakan dalam upacara keagamaan pada hari perayaan mereka dan peniaga tersebut harus menerangkan dengan baik bahawa beliau tidak boleh menjualnya disebabkan larangan hukum Islam. Ini merupakan etika dalam kehidupan secara bersama (*al-ta'ayush*) bagi menjamin keharmonian kaum yang saling hormat menghormati agama dan kepercayaan masing-masing.<sup>103</sup>

Namun, jika barangan itu secara jelas merupakan alatan, makanan, dan pakaian khusus untuk perayaan orang bukan Islam yang sudah pasti mempunyai landasan kepercayaan agama atau budaya mereka maka peniaga Muslim diharamkan daripada terlibat dengan penjualannya.

---

<sup>103</sup> al-Kafi #994: *Hukum Menjual Air Tebu Untuk Kegunaan Sembahyang Agama Lain*. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-ii-al-fatawi/2938-al-kafi-994-hukum-menjual-air-tebu-untuk-kegunaan-sembahyang-agama-lain>.

Dalil bagi perkara di atas ialah:

- a) Beberapa ayat al-Quran yang melarang bantu-membantu dalam kemungkaran. Antaranya firman Allah ﷻ :

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ...

**Maksudnya:** ...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan...

(al-Maidah : 2)

Dan firman-Nya:

مَنْ يَشْفَعْ شَفْعَةً حَسَنَةً يَكُنْ لَهُ نَصِيبٌ مِنْهَا وَمَنْ يَشْفَعْ شَفْعَةً سَيِّئَةً يَكُنْ لَهُ كِفْلٌ مِنْهَا وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقِيتًا ﴿٥٥﴾

**Maksudnya:** Sesiapa yang memberikan syafaat yang baik nescaya ia akan memperolehi bahagian (pahala) daripadanya; dan sesiapa yang memberikan syafaat yang buruk, nescaya ia akan mendapat bahagian (dosa) daripadanya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(al-Nisa : 85)

- b) Hadis-hadis yang menggalakkan untuk menjauhkan diri daripada syubhat.

Antaranya, daripada Nu'man bin Bashir: Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ، لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرَعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَقَعَ فِيهِ.

**Maksudnya:** *Sesungguhnya halal itu jelas dan haram itu jelas. Di antara kedua-duanya terdapat perkara-perkara yang samar, tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Sesiapa yang menjauhi perkara-perkara yang samar, maka ia telah membersihkan agama dan kehormatannya. Sesiapa yang terjerumus dalam perkara-perkara yang samar, maka ia telah terjerumus dalam perkara haram. Ibarat seorang pengembala yang mengembala di sekitar kawasan larangan, lambat laun ia akan terjerumus ke dalamnya.*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

- c) Kaedah fiqh yang menyatakan ‘Wasilah memiliki hukum yang sama dengan matlamatnya (الوسائل لها أحكام المقاصد)’. Juga kaedah fiqh yang menyatakan:

الإعانة على فعل الظلم من فعل حرام

**Maksudnya:** *Pertolongan ke atas sesuatu perbuatan yang zalim adalah perbuatan yang haram.*<sup>104</sup>

Namun jika ketetapan ini menatijahkan mudarat yang signifikan kepada peniaga Muslim, maka beliau boleh mengikut pendapat yang lemah dalam mazhab Syafie iaitu hukum makruh demi untuk menghilangkan mudarat itu. Termasuk dalam kategori mudarat ialah seorang muslim yang bekerja di pasar raya dan mesti membantu pelanggan bukan Islam membeli barangan yang mereka perlukan untuk perayaan keagamaan mereka. Sekiranya dia menolak, tentu ia memberikan kesan buruk terhadap jawatan atau pekerjaannya.

<sup>104</sup> Abid bin ‘Abd Allah al-Thabiti, *Qawa’id wa Dawabit Fiqh ‘inda Syaykh al-Islam Ibn Taymiyyah*. (Sa’udi: Dar Ibn al-Jawzi, 2008), Hlm. 364.

Ini berlandaskan kaedah fiqh yang menyatakan bahawa setiap kemudaratan harus dihilangkan :

الضرر يزال

**Maksudnya:** *Setiap kemudaran itu (harus) dihilangkan.*<sup>105</sup>

Namun begitu, tindakan menghilangkan kemudaratan tersebut hendaklah pada kadar yang wajar sahaja kerana berdasarkan kaedah fiqh yang lain iaitu:

ما أبيح للضرورة يقدر بقدرها

**Maksudnya:** *Kemudaratan dinilai pada kadarnya sahaja.*<sup>106</sup>

Oleh itu garis panduan yang berkaitan dengan isu ini adalah:

- Orang Islam boleh menjual barang-barang yang harus dijual kepada orang bukan Islam seperti pakaian dan makanan selagi mana tidak jelas perkara itu memberi kemaslahatan dalam upacara atau sambutan perayaan mereka.
- Jika sudah jelas barang-barang tersebut digunakan untuk perayaan orang bukan Islam maka orang Islam perlu mengelakkan diri daripada terlibat. Namun, jika ini menjejaskan perniagaan mereka secara signifikan maka jual beli tersebut boleh dijalankan atas dasar *darurah* namun hukumnya masih makruh yang berat.
- Diharamkan untuk orang Islam menjual barang-barang yang khusus digunakan dalam upacara atau sambutan perayaan orang bukan Islam seperti pakaian yang khusus atau alat-alat ibadah mereka.

---

<sup>105</sup> Jalal al-Din al-Suyuti, *Al-Ashbah wa al-Nazair*, (Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah, 1983), Hlm. 83.

<sup>106</sup> *Ibid.*, Hlm. 85.

## 5. Hukum Berpakaian Tradisi Orang Bukan Islam Semasa Perayaan Mereka

Mengenakan pakaian tradisi orang bukan Islam semasa sambutan perayaan mereka mengundang isu hukum kepada Muslim kerana secara asasnya ia merupakan sebuah perbuatan *tasyabbuh* ataupun penyerupaan kepada orang kafir.

Kalimah *al-tasyabbuh* berasal dari bahasa Arab, daripada akar perkataan *sya-ba-ha*. Ia merujuk kepada penyerupaan kepada sesuatu, sama ada dari segi rupa, warna atau sifat. Menurut Ibn Manzur, *tasyabbuh* adalah fenomena suatu objek atau perkara menyerupai atau menyamai dengan sesuatu yang lain.<sup>107</sup>

Al-Luwayhiq pula menjelaskan *al-tasyabbuh* sebagai seseorang yang membebani diri untuk menyerupai selainnya berkenaan dengan segala sifat atau sebagainya. Perkataan “membebani diri” menunjukkan bahawa maksud berkeinginan dan sengaja. Oleh yang demikian, tidak termasuklah segala sesuatu yang dilakukan dengan tidak sengaja.<sup>108</sup> *Tasyabbuh* yang dilarang adalah apabila seseorang Muslim menyerupai bukan Islam dalam segala bentuk dan sifatnya, sama ada dari sudut kepercayaan, amalan, kebudayaan atau tingkah laku. Barqa'an memberi takrifan terhadap *al-tasyabbuh* yang dilarang ini sebagai: *Penyerupaan orang Muslim terhadap orang kafir pada sesuatu perkara yang tidak termasuk dalam kategori masalah yang muktabar*.<sup>109</sup>

<sup>107</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1999), Hlm. 24.

<sup>108</sup> Jamil Habib al-Luwayhiq, *al-Tasyabbuh al-Manhi 'anhu fi al-Fiqh al-Islami*, (Makkah: Jami'ah Umm al-Qura' & Wizarah Ta'lim 'Ali, 1417H), Hlm. 20.

<sup>109</sup> Asyraf bin 'Abd al-Hamid Barqa'an, *Mazahir al-Tasyabbuh fi al-'Asr al-Hadis wa Atharuha 'ala al-Muslimin*. (Disertasi Master, Universiti Umm al-Qura', 1417H), Hlm. 17.

Dalam takrif ini, Barqa'an mengeluarkan perkara-perkara yang merupakan '*masalah al-mu'tabarah*' iaitu kemaslahatan yang diiktiraf oleh nas-nas syarak daripada kategori *al-tasyabbuh* yang dilarang atau diharamkan tadi. Oleh yang demikian, setiap perkara sama ada dari segi ilmu, teknologi, kemahiran atau penemuan-penemuan saintifik baharu yang bermanfaat dan merupakan *masalah* yang diiktiraf oleh syarak mengenai manfaatnya, maka ia terkeluar daripada kategori *al-tasyabbuh* yang dilarang walaupun ia berasal daripada orang bukan Islam.

Antara hadis yang utama membicarakan hal ini ialah yang diriwayatkan daripada 'Abd Allah Ibn 'Amru رضي الله عنه bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

بُعِثْتُ بَيْنَ يَدَيِ السَّاعَةِ بِالسَّيْفِ، حَتَّى يُعَبِّدَ اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَجُعِلَ رِزْقِي تَحْتَ ظِلِّ  
رُمْحِي، وَجُعِلَ الدَّلُّ وَالصَّغَارُ عَلَى مَنْ خَالَفَ أَمْرِي، وَمَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

**Maksudnya:** *Aku diutuskan ketika di hadapanku hari kiamat, dengan pedang sehingga beribadah kepada Allah semata-mata dan tidak mensyirikkan-Nya, dijadikan rezekiku di bawah bayangan pedang, dan dijadikan hina dan kecil barangsiapa yang menyalahi urusanku, dan barang siapa yang menyerupai sesuatu kaum dia adalah dari kalangan mereka.*

(Ahmad, Musnad Imam Ahmad, no. hadis. 4970)

Bahkan Nabi صلى الله عليه وسلم dengan tegas memerintahkan orang Islam untuk tampil berbeza dengan penampilan orang-orang bukan Islam dalam semua perkara hinggalah dalam penampilan fizikal:

خَالِفُوا الْمُشْرِكِينَ أَحْفُوا الشَّوَارِبَ وَأَوْفُوا اللَّحِي

**Maksudnya:** Potonglah misai dan biarkanlah janggut. Berbezalalah dengan orang Majusi.

(Sahih Muslim, no. hadis: 260)

Dalam hal ini, terdapat perbahasan mengenai penyerupaan terhadap orang bukan Islam bersama niat untuk menyerupai mereka ataupun tidak. Ini kerana para ulama menyatakan sesuatu perbuatan tidak dikira sebagai *al-tasyabbuh* selagi mana tidak disertakan dengan niat kerana *al-tasyabbuh* terjadi apabila pelaku perbuatan tersebut bertujuan untuk menyerupai pihak yang ingin ditirunya. Ibn 'Abidin dalam memberi komentar terhadap hadis berhubung *al-tasyabbuh*, beliau menyatakan bahawa: *la bermaksud jika ianya diniatkan, maka pada hakikatnya penyerupaan terhadap mereka tidak dimakruhkan pada setiap perkara bahkan hanya pada perkara-perkara yang dikeji, dan apa yang diniatkan untuk penyerupaan.*<sup>110</sup>

Ini bertepatan dengan hadis riwayat 'Umar al-Khattab رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ

**Maksudnya:** Sesungguhnya setiap perkara (perbuatan) adalah pada yang diniatkan padanya.

(Sahih al-Bukhari, no. hadis: 1; Sahih Muslim, no. hadis: 1907)

Namun begitu, setiap yang diamalkan oleh orang bukan Islam yang terdiri daripada perbuatan ibadat yang dapat memberi implikasi menjadi kafir atau berbentuk maksiat jika dilakukan dengan niat,

<sup>110</sup> Ibn 'Abidin, Hasyiyah Ibn 'Abidin, 1415H. 'Adil 'Abd al-Mawjud (*tahqiq*), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1415H), Jld.2, Hlm.384.

tidak wajar dizahirkan oleh Muslim, walaupun dia tidak meniatkannya dengan niat yang sama dengan golongan bukan Islam, sebagai langkah pencegahan. Ia bermaksud bahawa setiap perbuatan atau pakaian yang menyerupai orang bukan Islam secara zahirnya, iaitu sama ada dalam bentuk peribadatan atau adat yang khusus bagi mereka, maka kesemuanya dilarang (haram ataupun makruh) walaupun tidak melibatkan sebarang niat untuk menyerupai golongan kafir tersebut.

Dalil yang menyokong kenyataan ini adalah ayat al-Quran dan Hadis yang berbentuk larangan pencegahan (*sadd al-dhari'ah*) terhadap sebarang perbuatan menyerupai perbuatan atau sifat yang khusus bagi orang bukan Islam seperti:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقُولُوا رَاعِنَا وَقُولُوا أَنظِرْنَا وَأَسْمِعُوا وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٠٤﴾

**Maksudnya:** *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengatakan: "ra'ina", (ketika kamu berkata-kata dengan Nabi Muhammad), sebaliknya katakanlah: "unzurna", dan dengarlah kamu (segala perintah dengan sebulat hati menerimanya); dan (ingatlah, bahawa) orang-orang kafir itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.*

(Al-Baqarah : 104)

Terdapat banyak dalil syarak yang menyentuh perkara ini secara langsung ataupun tidak langsung. Antaranya ialah hadis-hadis yang menyatakan larangan memakai pakaian-pakaian yang khusus bagi orang bukan Islam pada konteks tertentu. Antaranya Rasulullah ﷺ melarang orang Islam untuk memakai baju yang direndam dalam air buah kesumba (*'asfar*). 'Abd Allah bin 'Amru al-'Ass menyatakan:

رَأَى رَسُولُ اللَّهِ - ﷺ - عَلَى ثَوْبَيْنِ مُعَصْفَرَيْنِ فَقَالَ: إِنَّ هَذِهِ مِنْ ثِيَابِ الْكُفَّارِ فَلَا تَلْبَسَهَا

**Maksudnya:** Nabi ﷺ melihatku ketika aku sedang mengenakan dua pakaian yang direndam dengan bunga kesumba (mu`asar), maka Baginda ﷺ bersabda: ‘Sesungguhnya ini adalah pakaian orang kafir, janganlah engkau memakainya,’

(Sahih Muslim, no. hadis: 2077)

Walaupun begitu, sifat kekhususan sesuatu amalan ini mungkin hilang apabila sesuatu perbuatan telah tersebar luas sehingga diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, pelaksanaan amalan sedemikian tidak lagi dianggap sebagai bentuk *al-tasyabbuh* yang dilarang oleh agama. Melainkan perbuatan tersebut adalah haram secara tersendiri seperti haramnya perbuatan memakai sutera bagi lelaki. Sebagai contoh, Ibn Hajar al-‘Asqalani terhadap dakwaan bahawa pemakaian *tayalisah* adalah dilarang berikutan hadis yang menyatakan ianya adalah pakaian Yahudi. Daripada Anas bin Malik رضي الله عنه, Rasulullah ﷺ bersabda:

يَتَّبِعُ الدَّجَالَ سَبْعُونَ أَلْفًا مِنْ يَهُودِ أَصْفَهَانَ عَلَيْهِمُ الطَّيَالِسَةُ

**Maksudnya:** Diikuti dajjal daripada Yahudi Isfahan, tujuh puluh ribu (jumlah mereka) dengan memakai *al-tayalisah*

(Sahih Muslim, no. hadis: 2944)

Ibn Hajar menyatakan bahawa: *Sesungguhnya wajar untuk berdalilkan kisah Yahudi tersebut pada masa tayalisah itu merupakan syi`ar bagi mereka, dan terangkat perkara itu pada masa kini dan ianya kini termasuk dalam perkara yang diamalkan secara am dan harus.*<sup>111</sup>

<sup>111</sup> Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih Imam Abi Abdillah Isma'il al-Bukhari*, Abd al-Qadir Syaibah (tahqiq), (Riyad: Maktabah al-Malk al-Fahd, 1421H), 10:286.

Selain itu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam kaedah ini. Penilaian terhadap kekhususan sesuatu perbuatan pada sesuatu kaum atau golongan adalah berdasarkan `urf setempat. Begitu juga penilaian terhadap hilangnya kekhususan sifat atau perbuatan berkenaan. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu:

إذا زال المانع عاد الممنوع

**Maksudnya:** *Apabila sesuatu larangan hilang elemen yang dilarang padanya, maka ia kembali harus.*<sup>112</sup>

Sebagai contoh dalam konteks hari ini, kaedah ini dapat diaplikasi dalam keharusan memakai pakaian orang bukan Islam seperti memakai kot, tali leher, seluar jeans dan topi (*cap*). Ini disebabkan ianya telah diterima secara global dan tidak lagi menjadi pakaian eksklusif orang bukan Islam. Dalam hal ini, merujuk kepada `urf semasa dan setempat adalah penting dalam menentukan bahawa memakai sesuatu pakaian kaum lain itu melambangkan tindakan membesarkan perayaan agama mereka. Ini merujuk kepada kaedah fiqh yang menyatakan bahawa adat dan budaya setempat dapat menjadi penanda aras kepada hukum semasa iaitu:

العادة محكمة

**Maksudnya:** *Adat menjadi rujukan disabitkan hukum.*<sup>113</sup>

Terdapat pakaian yang tidak secara langsung berkaitan dengan ajaran agama kerana Nabi ﷺ sendiri pernah memakai pakaian orang bukan Islam seperti di dalam hadis dari Mughirah bin Su'bah dari bapanya bahawa:

<sup>112</sup> Ali Ahmad al-Nadwi, *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, (Damsiyq: Dar al-Qalam, 1991) Hlm. 352.

<sup>113</sup> Jalal al-Din al-Suyuti, *Al-Ashbah wa al-Nazair*, Hlm. 89.

## أن النبي ﷺ لبس جبة رومية ضيقة الكمين

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Nabi ﷺ memakai jubah Rom - dalam sebahagian hadis disebut jubah syamiah (negeri Syam) - yang sempit kedua tangan bajunya.*

(Al-Tirmizi, Sunan al-Tirmizi, no. hadis. 1768: 410)

Pada waktu tersebut, kerajaan Rom merupakan sebuah kerajaan Kristian, namun baginda Nabi ﷺ mengenakan pakaian mereka kerana tidak mempunyai kaitan yang jelas dengan ajaran agama mereka. Oleh itu dalam hal ini garis panduan yang perlu dipatuhi oleh Muslim dalam menghadiri majlis orang bukan Islam pada waktu perayaan mereka dari sudut pemakaian adalah seperti berikut:

- i. Tidak boleh memakai pakaian yang khusus bagi sesuatu kaum tertentu jika mempunyai kaitan yang rapat dengan kepercayaan keagamaan mereka dan juga mendedahkan aurat. Ini seperti pakaian keagamaan seperti kostum atau topi *Santa Clause*, pakaian paderi, pakaian sami, lambang salib dan sebagainya.
- ii. Pada pakaian yang menjadi adat kaum lain yang tiada kaitan dengan ajaran agama mereka secara khusus seperti sari, kurta, samfoo, cheongsam dan sebagainya secara asasnya tidak menjadi isu selagi mana tidak terdapat unsur membesarkan agama orang bukan Islam dan memelihara aurat. Namun sebaiknya orang Islam mengelakkan diri daripada memakai pakaian tersebut pada hari perayaan orang bukan Islam atas dasar *sadd al-zari'ah* iaitu menutup sebarang peluang berlakunya *tasyabbuh* yang dilarang.

- iii. Pada pakaian yang sudah menjadi kebiasaan umum seperti tali leher dan kot, maka tidak menjadi isu bagi Muslim untuk memakainya pada perayaan orang bukan Islam selagi mana tidak menzahirkan pembesaran kepada agama mereka.

## 6. Hukum Masjid Mengadakan Sambutan Perayaan Orang Bukan Islam

Dalam meneliti isu ini, terdapat dua aspek hukum yang perlu diperincikan :

**Pertama:** hukum orang bukan Islam memasuki kawasan masjid, **Kedua:** menyambut atau meraikan perayaan bukan Islam di kawasan masjid.

Bagi isu yang **pertama**, terdapat perbezaan perbahasan mengenai orang bukan Islam memasuki masjidil haram dan masjid-masjid selainnya. Bagi masjidil haram, terdapat ayat al-Quran yang jelas memperkatakan mengenai hal ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا ...

**Maksudnya:** *Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Haram sesudah tahun ini;*

(A-Taubah : 28)

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan para fuqaha' mengenai hukum yang terdapat dalam ayat di atas. Bagi Imam Syafie dan al-Nawawi menyatakan bahawa ayat ini menunjukkan bahawa orang musyrik dilarang memasuki Masjidil Haram dan tidak masjid selainnya. Oleh itu, orang Yahudi dan Nasrani boleh memasuki

masjid-masjid selain Masjidil Haram. Bagi mazhab Hanafi pula, mereka membenarkan orang Nasrani dan Yahudi memasuki semua masjid termasuk Masjidil Haram namun tidak bagi golongan musyrikin.<sup>114</sup>

Secara umumnya, majoriti ulama membenarkan orang bukan Islam untuk masuk ke dalam masjid. Ini merupakan pendapat Imam Abu Hanifah dan Abu Yusuf dari mazhab Hanafi, Al-Dasuqi dari Mazhab Maliki, Imam Syafie, al-Nawawi, Khatib al-Sharbini dan Fakhruddin al-Razi dari mazhab Syafie, Ibn Qudamah dan Ibn al-Qayyim dari mazhab Hanbali. Selain itu, ulama kontemporari seperti Sheikh 'Atiyyah al-Saqr, keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan kali ke-90 dan Irsyad al-Fatwa:271 Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mentarjihkan pendapat mengharuskan. Namun kebanyakan mereka meletakkan syarat bahawa motif memasuki masjid itu hendaklah atas tujuan yang baik iaitu seperti mempelajari Islam, melihat keindahan ajaran Islam, mengawal tingkah laku dan tidak mencemari kesucian masjid.

Bagi isu yang **kedua** pula berkaitan meraikan orang bukan Islam di perkarangan masjid memerlukan perbincangan yang tersendiri. Ini kerana tidak terdapat sebarang fatwa atau pendapat dari ulama fiqh klasik yang membincangkan perkara ini. Terdapat beberapa hadis yang boleh dirujuk sebagai panduan hukum Islam yang umum dalam isu ini. Antaranya ialah hadis yang membicarakan mengenai garis panduan Islam dalam adab-adab di dalam masjid. Di antara hadis yang relevan dalam isu ini adalah keharusan untuk meraikan hari-hari perayaan dalam ruang masjid seperti mana yang diriwayatkan `Urwah daripada Aishah رضي الله عنها:

<sup>114</sup> Wizarah Awqaf wa Syu'un Islamiyyah, *Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, (Kuwait: Wizarah Awqaf, 1986), Jld.7, Hlm.145.

**Maksudnya:** Pada hari Mina, Abu Bakar datang ke rumahnya ketika dua anak perempuan memukul rebana dan Nabi sedang berselimut dengan pakaiannya. Abu Bakar memarahi mereka dan Nabi menampakkan wajahnya dan berkata kepada Abu Bakar, "Biarkanlah mereka, kerana hari-hari ini adalah Hari Raya dan Hari Mina." `Aishah lebih seterusnya berkata, "Apabila Nabi melihatku, aku sedang memerhatikan permainan hamba habsyi di Masjid dan (`Umar) memarahi mereka, Nabi berkata, 'Biarkan mereka, wahai Bani Arfida! kamu semua selamat (dilindungi),'"

(Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. hadis. 3288)

Hadis di atas memberi kefahaman bahawa meraikan perayaan di dalam kawasan masjid adalah diharuskan kerana Nabi Muhammad ﷺ sendiri tidak mencegah golongan Habsyah berhibur di dalam masjid dengan permainan perang mereka pada hari Mina. Namun begitu dalam persoalan perayaan orang bukan Islam datang ke masjid untuk diraikan semasa hari sambutan perayaan mereka, tidak terdapat dalil daripada al-Quran atau hadis yang jelas dalam menyatakan hukumnya.

Apabila tidak terdapat dalil khusus mengenai sesebuah persoalan hukum, maka kita perlu bersandarkan kepada prinsip-prinsip umum dalam hukum Islam seperti qias, *maslahah* atau *maqasid al-shari'ah*.

Dalam penggunaan qias dalam persoalan ini, wajar untuk mengaitkan isu meraikan orang kafir pada waktu perayaan mereka di dalam masjid dengan hukum menjual barangan perayaan mereka kerana kedua-dua tindakan tersebut membantu mereka dalam

urusan mereka iaitu menyambut hari atau peristiwa kebesaran bagi agama atau adat mereka. Jika penjualan barangan perayaan orang bukan Islam dilarang di atas asas untuk mengelakkan dari terjatuh dalam aktiviti membesarkan syiar dan simbol agama lain serta membantu dalam kekufuran mereka, maka perkara yang sama juga terdapat pada aktiviti meraikan orang bukan Islam di masjid pada hari perayaan mereka. Ini turut disandarkan kepada firman Allah ﷻ :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

**Maksudnya:** *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, janganlah pula kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah);*

(Al-Maidah : 2)

Bahkan jika perkara dibenarkan secara total dan terbuka maka sudah pasti pada masa tertentu orang bukan Islam akan cuba membawa pakaian, simbol atau alatan agama mereka ke dalam masjid. Hal ini dapat dirujuk dalam sebuah hadis yang menyatakan tentang larangan menyerupai orang Yahudi dalam persoalan tempat ibadah iaitu daripada 'Aisyah رضي الله عنها. beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda:

لعن الله اليهود والنصارى، اتخذوا قبور أنبيائهم مسجداً

**Maksudnya:** *Allah melaknati kaum Yahudi dan Nasrani, mereka menjadikan kubur-kubur Nabi-nabi mereka sebagai masjid.*

(Sahih al-Bukhari, no. hadis: 1330)

Bahkan dalam *fatawa al-hindiyyah* telah menyatakan larangan sebarang bentuk penyerupaan terhadap orang bukan Islam dalam kawasan masjid tanpa sebarang alasan yang kukuh:

**Maksudnya:** *Dimakruhkan untuk menanam pokok di persekitaran masjid kerana ia menyerupai gereja-gereja. Ia juga menyempitkan ruang untuk bersolat. Namun ia dibenarkan jika perbuatan tersebut memberi manfaat kepada masjid. Ini kerana jika tanah masjid mudah dialirkan oleh air dan struktur yang tidak kukuh, maka dibolehkan menanam pokok untuk mengurangkan kadar pengaliran tanah tersebut.*<sup>115</sup>

Dalam laman islamqa.info, perbincangan mengenai persoalan ini menekankan bahawa dalam *fatwa lajnah* daimah di Arab Saudi menyatakan setiap yang terdapat dalam kawasan pagar masjid memakai hukum masjid.

**Maksudnya:** *“Apa sahaja yang berada di dalam pagar masjid, adalah sebahagian daripada Masjid, maka baginya hukum Masjid,”*<sup>116</sup>

Oleh itu larangan meraikan perayaan orang bukan Islam ini terpakai kepada setiap ruang dan sudut yang terdapat di dalam kawasan pagar masjid.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa menjemput atau membawa orang bukan Islam ke dalam kawasan masjid untuk diraikan, menjamu mereka makanan atau memberikan taklimat

---

<sup>115</sup> Syekh Nizam, *al-Fatawa al-Hindiyyah*, (Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, 2001), Hlm. 110.

<sup>116</sup> Fatwa Lajnah Da'imah, *Majmu'ah al-Thaniah*, 234/5.

mengenai Islam adalah harus menurut pendapat mazhab Syafie. Bahkan inisiatif ini adalah baik bagi tujuan dakwah. Namun demikian, aktiviti-aktiviti berkenaan tidak boleh dilaksanakan bersempena dengan hari perayaan mereka. Ini kerana perbuatan tersebut melambangkan seakan masjid turut sama membesarkan perayaan mereka yang merupakan manifestasi kesyirikan dan kekufuran. Berhubung hal ini kebanyakan ulama salaf dalam mentafsirkan ayat yang menyentuh mengenai sifat-sifat seorang hamba al-rahman (*'ibad al-rahman*) iaitu:

وَالَّذِينَ لَا يَشْهَدُونَ الزُّورَ وَإِذَا مَرُّوا بِاللَّغْوِ مَرُّوا كِرَامًا ﴿٧٢﴾

**Maksudnya:** *Dan mereka (yang diredai Allah itu ialah orang-orang) yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang, dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya.*

(Al-Furqan : 72)

Tempat-tempat melakukan larangan Allah (*al-Zur*) dalam ayat di atas ditafsirkan oleh para ulama seperti Thawus, Muhammad ibn Sirin, al-Dhahhak dan al-Rabi' bin Anas sebagai perayaan orang bukan Islam.<sup>116</sup> Oleh itu, tidak sepatutnya masjid yang merupakan rumah Allah dan tempat ibadah umat Islam dijadikan tempat larangan Allah iaitu *al-Zur*.

Sebagai garis panduan bagi pihak pengurusan masjid dalam melaksanakan aktiviti untuk melibatkan orang bukan Islam datang ke kawasan masjid beberapa perkara perlu dititikberatkan iaitu:

<sup>116</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* 6:130.

- i. Aktiviti yang melibatkan orang bukan Islam di kawasan masjid tidak dilaksanakan pada hari perayaan mereka atau bersempena dengan perayaan tersebut.
- ii. Orang bukan Islam tersebut sebaiknya tidak memakai pakaian atau membawa sebarang alatan atau simbol yang khusus bagi agama mereka.
- iii. Orang bukan Islam hendaklah menjaga adab-adab di dalam masjid seperti memakai pakaian yang sopan dan menghormati masjid sebagai tempat ibadah orang Islam.

## BIOGRAFI PENULIS

**PROFESOR MADYA DR. MOHD NIZAM BIN SAHAD** merupakan pensyarah di Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang utama penyelidikan beliau ialah Akidah, Pemikiran Islam, Agama dan Masyarakat, Pendidikan Islam, Dakwah Muallaf dan Tafsir. Beliau telah banyak membentangkan kertas kerja dan menghasilkan penerbitan artikel jurnal, majalah dan buku dalam bidang Usuluddin dan Pendidikan Islam pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Beliau juga pernah menjadi Penulis Buku Teks Tasawwur Islam Tingkatan Empat dan Ketua Penilai Buku Teks Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia dan konsultan kepada Jabatan Agama Islam Perak dan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Beliau boleh dihubungi melalui emel : nizamsahad@usm.my

**DR. SUHAILA BINTI ABDULLAH** merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Pertama dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Arab (*major*) dan Ilmu Wahyu (*minor*) pada tahun 1997. Seterusnya beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban) pada tahun 2000 dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Islam daripada Universiti Malaya pada tahun 2006. Bidang pengkhususan beliau ialah Tamadun Islam, Pemikiran Islam, Pendidikan Islam, Tamadun Melayu, Dakwah dan Etika Islam. Beliau telah menerbitkan beberapa buku ilmiah, artikel jurnal akademik pada peringkat tempatan dan antarabangsa, bab dalam buku, artikel majalah dan kertas kerja seminar. Beliau pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 2017. Beliau boleh dihubungi melalui emel: aila @usm.my



**DR. UMAR MUHAMMAD NOOR** merupakan Pensyarah Hadith di Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia (USM). Bidang utama penyelidikan beliau ialah kritik hadith, fiqh klasik dan pemikiran aliran semasa. Beberapa karya tulis telah beliau hasilkan dalam bentuk buku popular dan artikel dalam jurnal dan prosiding seminar. Selain itu, beliau sering dijemput untuk menjadi pakar rujuk dan panel dalam pelbagai rancangan radio dan televisi seperti rancangan HADIS di TV 9 (2015) dan SUNNAHOME di Astro Oasis (2018-2019). Beliau turut sering dijemput untuk membenteng kertas kerja dalam bengkel hadith di Malaysia dan Singapura. Salah satunya ialah program Muhadharah Hadith peringkat kebangsaan anjuran Lajnah Tahqiq Hadith Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan unit Darul Hadith Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2018. Beliau boleh dihubungi di: [umarmnoor@usm.my](mailto:umarmnoor@usm.my)

**DR. AHMAD BADRI BIN ABDULLAH** merupakan Felo Penyelidik di IAIS Malaysia, mendalami topik-topik seperti *maqasid al-shari'ah*, *fiqh*, *usul al-fiqh*, muamalat dan perbankan Islam, kajian halal serta wacana perundangan Islam kontemporari, terutamanya dalam subjek pemikiran sistem dan penerapannya dalam falsafah hukum Islam. Beliau juga merupakan Ketua kepada Unit Kajian Islam dan Sains, Teknologi, Etika dan Alam Sekitar di IAIS Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Shari'ah(UM), dan pernah berkhidmat di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM dan kemudiannya di Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sebagai pembantu penyelidik siswazah dan tutor. Beliau memperolehi ijazah kedoktoran (PhD) dalam kajian mengenai *masalahah*, *maqasid al-shari'ah* dan kaitannya dengan topik pemikiran sistem. Beliau aktif menghasilkan penulisan-penulisan berbentuk jurnal akademik, artikel-artikel di akhbar

serta sering dijemput untuk mengulas tajuk berhubung kaitan antara Shari'ah, sains dan alam sekitar. Beliau juga telah menerbitkan sebuah buku berjudul '*Maqasid al-Shari'ah, Di Antara Nass & Maslahah: Sebuah Pendekatan Sistem*'. Beliau boleh dihubungi di emel: [badries3210@gmail.com](mailto:badries3210@gmail.com)

## GLOSARI ISTILAH

### Singkatan

AS	<i>'alaihissalam</i>
Dr.	Doktor
h.	halaman
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem citato</i> (Rujukan sebelumnya)
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MUI	Majelis Ulama Indonesia
No.	nombor
PERGAS	Persatuan Guru dan Ulama Singapura
	<i>Radiyahallahu 'anhu</i>
	<i>Sallahu 'alaihi wassalam</i>
SM	Sebelum masihi
	<i>Subhanahu wa Ta 'ala</i>

## RUJUKAN

al-Buhuti, Muhammad bin Ahmad. 2011. *Hashiyah al-Khalwati 'ala Muntaha al-Iradat*. Damsyik: Dar al-Nawadir.

al-Dusuqi, 2010. *Hasyiah al-Dusuqi ala al-Sharh al-Kabir*, Beirut: Dar al-Fikr.

al-Fasi, t.t. Muhammad Ibn al-Haj al-Maliki. *al-Madkhal*. Beirut: Dar al-Turath.

al-Futuhi, Muhammad Ibn al-Najjar. 1999. *Muntaha al-Iradat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

al-Gharnati, Muhammad bin Yusuf Ibn al-Mawwaq. 1994. *Al-Taj wa al-Iklil fi Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Kafi #994 : *Hukum Menjual Air Tebu Untuk Kegunaan Sembahyang Agama Lain*, terdapat di atas talian <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2938-al-kafi-994-hukum-menjual-air-tebu-untuk-kegunaan-sembahyang-agama-lain>.

al-Luwayhiq, Jamil Habib. 1417H. *al-Tasyabbuh al-Manhi 'anhu fi al-Fiqh al-Islami*, Makkah: Jami'ah Umm al-Qura & Wizarah Ta'lim 'Ali.

al-Nadwi, 'Ali Ahmad. 1991 *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam.

al-Nawawi, Muhy al-Din. 2016. *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Qayrawani, Muhammad bin Abi Zayd. 1999. *al-Nawadir wa al-Ziyadat 'Ala Ma fi al-Mudawwanah min Ghayriha min al-Ummahat*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

al-Shafii, Muhammad bin Idris. 1990. *Kitab al-Umm*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

al-Suyuti, Jalal al-Din. 1983. *Al-Ashbah wa al-Nazair*, Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.

al-Thabiti, Abid bin 'Abd Allah. 2008. *Qawa'id wa Dawabit Fiqh 'inda Syaykh al-Islam Ibn Taymiyyah*. Sa'udi: Dar Ibn al-Jawzi.

al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*, Nasir al-Din al-Bani (tahqiq), t.t. Riyadh: Maktabah al-M'aarif li al-Nasyr wa al-Tawzi'.

al-Zuhayli, Wahbah. 2006. *Al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asarah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Ann Wan Seng, 1994. *Perayaan Orang Cina*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Anon. 23 November 2012. *Christmas is not based on the Bible - Christmas was the date of a pagan festival in Rome for celebrating the birthday of Sun-god (the unconquered sun): The origin of Christmas*. <https://mygodchristahnsahngong.com/2012/11/christmas-is-not-based-on-the-bible-christmas-was-the-date-of-a-pagan-festival-in-rome-for-celebrating-the-birthday-of-sun-god-the-unconquered-sun/>.

Apanamadotcom. 2015. *Rahsia di sebalik sambutan Natal pada 25 Disember*. <https://apanamadotcom.wordpress.com/2014/12/24/rahsia-di-sebalik-sambutan-natal-pada-25-disember/>.

Asyraf bin 'Abd al-Hamid Barqa'an, 1417H. *Mazahir al-Tasyabbuh fi al-'Asr al-Hadith wa Atharuha 'ala al-Muslimin*. Disertasi Master, Universiti Umm al-Qura.

Azliah Maya (26 Jun 2013). *Perayaan Deepavali*. Dipetik dari <http://www.slideshare.net/AzliahMaya/perayaan-deepavali>.

Basri Ibrahim. 2010. Hukum Penglibatan Orang Islam dalam Perayaan Bukan Islam dalam Konteks Malaysia, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Jilid 3.

Daniel Tong, *A Biblical Approach to Chinese Traditions and Beliefs*, 2011. Armour Publishing Pte. Ltd.

Fatwa Lajnah Da'imah, *Majmu'ah al-Thaniah*, 234/5.

Firdaus Mahmud (n.d.). *Perayaan di Malaysia*. [https://www.academia.edu/17578768/Perayaan\\_Di\\_Malaysia](https://www.academia.edu/17578768/Perayaan_Di_Malaysia).

Ibn 'Abidin, *Hasyiyah Ibn 'Abidin*, 1415H. 'Adil 'Abd al-Mawjud (tahqiq), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Kathir, Ismail. 2006. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Muassasah al-Rayyan.

Ibn Kathir, 1999. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Riyadh: Dar al-Taiyyibah.

Ibn Manzur, 1999. *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Ibn Muflih, 1999. *al-Adab al-Shar'iyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Ibn Qayyim. 1993. *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Alamin*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Ibn Qayyim. 1997. *Jawziyyah, Ahkam Ahl al-Zimmah*, Riyad: Rumadi al-Nashr.

Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad Ibn Rushd. 1988. *al-Bayan wa al-Tahsil wa al-Sharh wa al-Tawjih wa al-Ta'lil li al-Masa'il al-Mustakhrajah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

Ibn Ruslan, 2016. Ahmad bin Husayn al-Maqdisi. *Sharh Sunan Abi*

Ibn Taymiyyah, t.t. *Iqtida' al-Sirat al-Mustaqim*, Nasir bin `Abd al-Karim (tahqiq), Riyad : Maktabah al-Rusyd.

Ilie Bengking (3 November 2011). "HBEF 2803SMP Perkembangan profesionalisme keguruan (SMP)." Kajian Dokumen (T1A1), Fakulti Pendidikan dan Bahasa, Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Kota Kinabalu, Sabah.

Irwan Muhammad Subri dan Muhammad Nasiruddin Asman (2019) yang bertajuk *Hukum Menyambut Perayaan Bukan Islam* untuk Jabatan Agama Islam Selangor. Sungguhpun sedemikian, kajian ini lebih bersifat kajian kepustakaan.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (t.t), *Analisis Perayaan Thai Ponggal Masyarakat India di Malaysia*, Kertas kerja yang tidak diterbitkan. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Lurker, Manfred (22 Ogos 2004). *The Routledge dictionary of God, Goddesses, devils and demons*. London: Routledge.

Lakpura LLC (2018). *Vesak festival in Sri Lanka*. <https://lanka.com/events/vesak-festival/>.

M. Rajantheran dan S. Manimaran, 1994, *Perayaan Orang India*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mohd Rus bin Yunus & Zulfaqar bin Mamat. 2007. Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam Menurut Perspektif Islam, *Jurnal Penyelidikan Islam*, Jilid 20.

Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj Ismail, Ahmad Badri Abdullah & Mohammad Aizat Jamaludin (2013) bertajuk Fenomena al-Tasyabbuh (Penyerupaan) dalam Sambutan Perayaan Masyarakat Majmuk di Malaysia dalam Jurnal Syariah, Jilid 2, Bil. 1, 21-42.

Peake, Arthur Samuel (2001). *Peake's commentary on the Bible* (Edited by Arthur Samuel Peake, Matthew Black, Harold Henry Rowley). Routledge.

Siti Zuraida Maaruf & Syamsul Nor Azlan Mohamad (2014). *Modul pedagogi responsif budaya seni kraf tradisional pendidikan seni visual*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA.

Springer, Kate. 10 Mei 2017. *Vesak day: Celebrating the life of Buddha*. *CNN travel*. <https://www.cnn.com/travel/article/buddha-birthday-vesak-day/index.html>.

Sulaiman Zakaria, 2007. *Perpaduan Negara*, Kuala Lumpur : Cahaya Kesturi (M) Sdn Bhd.

Syaykh Nizam, 2001. *al-Fatawa al-Hindiyyah*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah, 2001.

The Light Of Peace. 16 Mei 2011. *Maksud Hari Wesak dan hukum menyambut dan memeriahkan*. <http://thepeace08.blogspot.com/2011/05/maksud-hari-wesak-dan-hukum-menyambut.html?m=1>.

Umie Azahrah (n.d.). Perkembangan budaya masyarakat Cina. *Asal usul, perkembangan penempatan dan sumbangan suku kaum masyarakat Bajau Simunul Semporna Sabah*. [https://www.academia.edu/30308539/Perkembangan\\_budaya\\_masyarakat\\_cina](https://www.academia.edu/30308539/Perkembangan_budaya_masyarakat_cina).

YADIM. 14 Februari 2018. *Islam dan tahun baru Cina*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. <http://www.yadim.com.my/v2/islam-dan-tahun-baru-cina/>.

Yusaini Yusoff dan Ahmad Zakyi Md. Ali, 2016. Hukum Menyambut Perayaan Pesta Tanglung oleh Orang Islam, *Jurnal Penyelidikan Islam* 28.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. 5 Oktober 2017. *Bayan Linnas siri ke-118: Pesta tanglung dan kuih bulan: Satu sisi pandang*. <http://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/647-bayan-linnas-siri-ke-118-pesta-tanglung-kuih-bulan-satu-sisi-pandang>.

## Sinopsis

Negara Malaysia kaya dengan kepelbagaian kebudayaan dan perayaan. Setiap kaum mempunyai perayaan yang tersendiri. Ajaran Islam tidak menghalang umatnya untuk berkongsi kegembiraan kepelbagaian perayaan ini dengan batasan yang dibenarkan. Buku ini menerangkan perihal hukum orang Islam dalam turut merayakan perayaan orang bukan Islam dengan tumpuan khusus kepada enam perayaan iaitu perayaan Tanglung, Tahun Baru Cina, Deepavali, Pongal, Wesak dan Krismas.

Sumbangan dari **ZAKAT PULAU PINANG**



Diterbitkan oleh:

**Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang**  
Tingkat 48, KOMITAR, 10000 Pulau Pinang.

Tel: 04-263 2975      Faks : 04-263 2985  
E-Mel : [mufti@penang.gov.my](mailto:mufti@penang.gov.my)  
Laman web : <http://mufti.penang.gov.my>

